

"KEADILAN ialah ubat dan penawar yang mesti tegak dan bersemarak pada ketika ini. Keadilan adalah lampu alam. Tanpa keadilan, kehidupan akan menjadi gelap-gelita. Kerana itulah, dunia dan kemanusiaan sedang menuntut keadilan politik, keadilan ekonomi dan keadilan sosial yang sebenar-benarnya." - Titah sempena Hari Raya Aidilfitri 1420 Hijrah/1999 Masihi.



# قليتا بروني

## Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"BARANG siapa membawa amal yang baik maka baginya pahala sepuluh kali lipat amalnya dan barang siapa yang membawa perbuatan yang jahat maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya, sedang mereka sedikit pun tidak dianlaya (dirugikan)." - Surah Al-An'aam ayat 16.

TAHUN 46 BILANGAN 2 RABU 10 JANUARI, 2001/1421 رابو 14 شوال

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

## Berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh Haji Ahmad HS



BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di sini.

Majlis Bertahlil adalah bagi ayahanda dan bonda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis Bertahlil dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

(Lagi gambar-gambar di muka 4 dan 5).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjurus ayeng asah-asahan ke makam ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Majlis berlangsung di Kubah Makam Diraja. - Gambar-gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM dan Abdullah HAD.

## ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DISERU BEKERJA KERAS

Oleh  
Haji Timbang Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Januari. - Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam menyeru semua pegawai dan kakitangan kerajaan supaya menjayakan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 yang telah diperkenalkan tahun lepas dengan sentiasa memenuhi tuntutan peralihan masa, bersifat dinamik dan progresif.

Wawasan tersebut mengutamakan penekanan akan perimustahaknya semua anggota perkhidmatan awam bekerja keras serta sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya dalam melaksanakan kerja dan tugas yang diamanahkan dengan penuh komited, dedikasi, inovatif dan produktif di samping sentiasa mengamalkan nilai-nilai yang murni seperti berakhlak mulia, jujur, amanah dan bereti-

ka serta terus berusaha menghasilkan kerja-kerja dengan berkualiti, berkesan dan dapat menepati kehendak orang ramai.

Seruan itu terkandung dalam keputusan tahun baru 2001 yang disampaikan melalui surat keliling Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada 2 Januari lepas.

Surat keliling itu membawa semua anggota perkhidmatan awam, "Dengan ketibaan tahun baru ini, marilah kita membarui semula azam dan tekad untuk terus mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kita masing-masing. Abad 21 sememangnya memerlukan perkhidmatan awam yang lebih cekap, bersih, efisien dan dinamik di samping berupaya untuk berdaya saing dan mampu memenuhi permintaan-permintaan semasa bagi menghadapi perubahan yang dibawa oleh

arus pemodenan dan era globalisasi."

Sehubungan dengan itu, anggota perkhidmatan awam juga diingatkan bagi memenuhi perkembangan teknologi dan informasi penguasaan penggunaan dan aplikasi e-Government di dalam perkhidmatan awam yang efisien dan dinamik.

Surat keliling itu menegaskan, "Matlamat sebenar yang kita ingin capai ialah bagi membawa perkhidmatan awam ke mercu kecemerlangan yang mampu berdaya saing dan bertahan menghadapi cabaran-cabaran."

Walau bagaimanapun, menurut surat keliling tersebut, wawasan ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan

tanpa adanya kerjasama, dukungan padu dan komitmen di semua peringkat.

Dalam konteks penerapan Wawasan Perkhidmatan Awam berkenaan, surat keliling itu menjelaskan, pegawai dan kakitangan bukan sahaja mempunyai tanggungjawab bagi menjayakannya tetapi juga perlu memahami sedalam-dalamnya etika dan nilai-nilai kerja dengan penuh keyakinan. Tanpa ada kefahaman, kesedaran dan komitmen yang tinggi, tidak mungkin ianya dapat diterapkan secara menyeluruh di dalam organisasi dan agensi-agensi kerajaan.

"Hanya melalui penglibatan secara total sahajalah kita dapat melahirkan perkhidmatan awam yang lebih proaktif, responsif dan komited pada membawa pembaharuan dan pembaikan," tegas keputusan itu lagi.

Lihat muka 3

## Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Myanmar

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Pertubuhan Myanmar bersempena dengan Hari Kemerdekaan Pertubuhan Myanmar.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Pertubuhan Myanmar. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Pertubuhan Myanmar sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Pertubuhan Myanmar akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.





دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا  
قُمْرُهُ دَانْ مَهَا قُيَاغْ

**Dari Sidang Pengarang**

10 JANUARI, 2001 BERSAMAAN 1421, شوال, 14

## BERI TUMPUAN TERHADAP PENCAPAIAN

**N**EGARA Brunei Darussalam berazam akan terus berusaha sedaya-upayanya untuk mencapai pembangunan dan kemajuan yang dihasratkan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk. Ke arah ini ia akan terus memberikan keutamaan kepada penimbaan ilmu pengetahuan dan pendidikan, yang mana merupakan kunci penentuan dalam paras dan kualiti pencapaian kemajuan dan pembangunan mana-mana negara jua di dunia ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam era globalisasi yang sedang kita lalui ketika ini, semua negara di dunia berlumba-lumba untuk meningkatkan lagi tahap ilmu pengetahuan masing-masing. Ini adalah atas kesedaran bahawa dalam persaingan yang pesat di kalangan negara-negara dunia hari ini, kepandaian dan kemahiran di dalam pelbagai bidang adalah sangat-sangat diperlukan.

Mana-mana masyarakat atau negara yang tidak mencapai paras pendidikan yang tinggi, lebih-lebih lagi dalam bidang teknologi dan teknologi maklumat, sudah tentu akan tertinggal.

Berlatar belakangkan senario ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan baginda sempena kedatangan Tahun Baru Masihi 2001 telah bertitah menyeru para belia di negara ini agar menyedari hakikat ini dari awal-awal lagi.

Kaum belia, titah baginda, merupakan kumpulan majoriti di negara ini dan sudah tentunya pembangunan dan kecemerlangan masa depan negara banyak bergantung kepada mereka.

Baginda seterusnya bertitah bahawa sungguhpun jelas betapa mustahaknya sumber-sumber hasil semula jadi kepada pertumbuhan dan kemajuan sesebuah negara, namun pada hari ini, sumber yang paling penting ialah sumber tenaga manusia.

Baginda juga bertitah mengingatkan dalam proses menimba ilmu pengetahuan itu, nilai-nilai agama yang luhur dan akhlak yang tinggi serta kejujuran, amanah dan taat setia hendaklah juga dititikberatkan dan jangan sekali-kali diabaikan. Perkara ini adalah mustahak supaya apa jua pembangunan dan kemajuan yang dicapai akan mendapat berkat dan dapat bertahan lama.

Oleh yang demikian, anggota-anggota perkhidmatan awam serta mereka yang memberikan perkhidmatan perlulah berkhidmat dengan cemerlang serta mempunyai sifat-sifat luhur, dalam makna mengamalkan etika kerja yang tinggi. Begitu juga kepada mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta. Penglibatan dan sumbangan bakti serta peningkatan produktiviti mereka adalah sama-sama diperlukan bagi pertumbuhan dan pembangunan negara.

Berkat perpaduan, permuafakatan dan persefahaman serta suasana kehidupan yang harmoni, insya-Allah, kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan negara akan terus terjamin.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**LHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasabbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Bulan Syawal ialah bulan kegembiraan, bulan umat Islam berhari raya, bulan yang penuh dengan kemeriahan, bulan umat Islam berkumpul di masjid-masjid atau di tanah-tanah lapang untuk bertakbir dan bertahmid memuji kebesaran Allah, yang kemudian diakhiri dengan kewajipan berjemaah beramai-ramai menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri yang mulia.

Jika kita hayati suasana ini dengan saksama, nyatalah ianya suatu kehebatan dan keindahan luar biasa. Lebih-lebih lagi apabila menyaksikan gerak-geri umat Islam yang dipimpin oleh seorang imam dalam sembahyang mereka.

Pada ketika ini, yang kelihatan hanyalah keseragaman jua, kesatuan yang cukup padu. Daripada gerak-geri mereka sampailah kepada hati nurani, semuanya itu bulat menjurus ke satu arah, iaitu kepada Allah dan untuk Allah.

Pada masa ini, tidak ada satu kekuatan yang dapat menundukkan mereka, kerana mereka sedang berada di bawah kekuatan Allah. Tidak ada satu kuasa yang dapat memecahkan mereka, kerana mereka sedang berada di bawah kekuasaan Allah.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Dari kenyataan ini nampaklah kita, bahawa ibadat kepada Allah itu, terutamanya ibadat sembahyang, adalah suatu kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya.

Mengapakah kita katakan demikian? Kerana, apa jua jenis ibadat adalah ia hasil dorongan daripada takwa dan iman terhadap Allah.

Apabila seseorang itu beriman dan bertakwa, maka seluruh jiwa raganya akan tunduk, patuh dan berserah, hanya semata-mata kepada Allah.

Inilah yang dikatakan sebagai 'Roh Islam', yang telah menjelma di dalam diri seseorang. Ia akan melahirkan segala sifat terpuji, seperti ikhlas, sabar, tenang, istiqamah, berani dan taat setia.

Jadi nyatalah di sini, bahawa 'Roh Islam' itu adalah faktor paling penting di dalam rangka kita membina pertahanan ummah.

Umat yang mempunyai roh keislaman dan ketakwaan adalah umat yang diberkati. Umat

**Generasi sekarang dan akan datang**

# KEKALKAN KETAHANANAN BANGSA - titah

yang diberkati, tidak syak lagi, akan mendapat pertolongan daripada Allah, sebagaimana janji-Nya dalam Al-Quran, firman Allah, tafsirnya:

"Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, maka pastilah Kami (Allah) akan membuka kepada mereka keberkatan (pintu-pintu pengurniaan) daripada langit dan bumi, tetapi (sayang), mereka itu mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Kami seksa mereka disebabkan oleh perbuatan mereka sendiri." (Surah Al-A'raaf: 96).

Inilah antara rahsia takwa dan iman itu. Individu yang beriman adalah sumber bagi

kekuatan masyarakatnya. Apatah lagi jika seluruh masyarakat itu menjadi ahli iman, maka sudah barang tentu kekuatan yang mereka miliki akan bertambah-tambah lagi. Sesungguhnya kekuatan daripada Allah itu, tidak siapa yang boleh mengalahkannya. Ini juga telah dirakam oleh Al-Quran, Surah Ali Imran, ayat 160, tafsirnya:

"Jika Allah menolong kamu, maka tiadalah sesiapa lagi yang dapat mengalahkan kamu. (Tetapi sebaliknya) jika Allah membiarkan kamu, maka siapakah gerangan selepas itu yang boleh menolong kamu selain daripada Allah? Oleh kerana itu, hanya kepada Allah jua, kamu mesti bertawakal."

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Bercakap mengenai kekuatan dan ketahanan ini, kita semua adalah sama-sama bertanggungjawab, lebih-lebih lagi muda-mudi generasi yang ada dan akan datang, di tangan merekalah bergantung harapan untuk terus menyumbangkan bakti dan jasa ke arah mengekalkan ketahanan bangsa.

Caranya: Janganlah lari daripada agama, peliharalah akidah dan keimanan, tingkatan takwa kepada Allah, banyakkann aktiviti kebajikan,

dan tutup segala pintu kemungkaran yang boleh menimbulkan murka Allah.

Kepada muda-mudi harapan bangsa, bertindaklah lebih bijaksana. Sementara di pihak ibu bapa pula, peranan mereka adalah besar untuk melahirkan belia-belia yang baik yang berakhlak tinggi. Mereka adalah ejen terpenting selain daripada sekolah untuk melahirkan belia-belia yang baik lagi berwibawa. Belia-belia yang baik adalah nikmat atau aset paling mahal. Kerana itu, beruntunglah sesebuah negara yang mempunyai belia-belia yang sedemikian itu. Beta yakin, Negara Brunei Darussalam adalah mempunyai potensi yang besar ke arah itu.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas, sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua lapisan rakyat serta penduduk yang beragama Islam, di mana juga mereka berada. Semoga Allah Subhana-hu Wataala akan sentiasa merahmati kita semua. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1421 Hijrah/2000 Masihi.

# Sempena Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001

## SEJUTA PELANCONG DIJANGKA MELANCONG

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 4 Januari. - Sasaran negara untuk menerima kunjungan pelancong sebanyak sejuta orang sempena Tahun Melawat Brunei 2001 ini dijangka mencapai sasaran yang dihasratkan.

Ini jelas terbukti apabila negara telah membuat pelbagai persiapan termasuk membuat promosi yang bukan sahaja setakat di dalam negeri malah juga di luar negara dengan mengikuti pelbagai pameran yang dibantu oleh pelbagai pertubuhan sama ada di sektor kerajaan mahupun juga sektor swasta.

Dengan adanya pelbagai promosi yang dibuat itu setentunya telah mendatangkan pelbagai pengetahuan dan maklumat yang betul serta kedudukan negara ini terutama kepada pelancong-pelancong luar negara untuk mengenali lebih dekat mengenai negara.

Salah satu hasil kejayaan daripada promosi tersebut yang diungkapkan ialah apabila serombongan pelancong daripada Russia tiba ke negara ini yang merupakan kunjungan pertama rakyat daripada negara berkenaan yang datang dengan tempahan pesawat khas.

Rombongan seramai 153 orang itu akan berada di negara ini selama 11 hari di bawah pakej pelancongan yang dikendalikan oleh Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad dengan agensi pelancongan daripada Moscow iaitu Space Travel.

Semasa berada di negara ini, pelancong-pelancong berkenaan akan dibawa melawat ke beberapa buah tempat yang menjadi tumpuan pelancong seperti Kampung Ayer, Ulu Temburong dan banyak tempat lagi dan yang tidak kurang hebatnya. Mereka akan dipersembahkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan seperti tarian, nyanyian dan alat-alat muzik kebudayaan serta setentunya akan meninggalkan kenangan yang manis kepada mereka ini apabila mereka menikmati makanan dan masakan asli negara ini seperti tahai dan ambuyat.

Ketua rombongan yang juga Presiden kepada agen pelancongan Space Travel, Alexander K. Nikitenko menjelaskan bahawa rombongan tersebut merupakan rombongan yang pertama daripada Russia dan beliau mendapat tahu tentang negara ini apabila beliau bertemu dengan ahli rombongan negara yang membuat ekspedisi di Dubai beberapa ketika dulu dan katanya, Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang cantik lagi aman.

Terdahulu daripada itu, ketibaan mereka di ruang menunggu Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini telah disambut dengan keramahan serta kemesraan sesuai dengan tuturan kebudayaan orang-orang Brunei di samping memberikan pacak telur dan kalungan tali sulaman kepada setiap pelancong berkenaan.

Sebaik sahaja keluar daripada kawasan pemeriksaan kastam, mereka kemudiannya disambut dengan pukulan hadrah oleh kira-kira 20 orang pemain hadrah daripada Pasukan Hadrah Sawarna Kampung Batong dan diikuti dengan persembahan tarian daripada Kumpulan DKS yang diiringi dengan muzik kebudayaan.

Apabila ditanya kepada seorang pelancong tersebut setelah menyaksikan persembahan tarian ketika menyambut kedatangan mereka, beliau menyatakan bahawa beliau dapat menggambarkan bahawa negara ini kaya dengan persembahan keseniannya dan kebudayaan di samping dapat menggambarkan bahawa negara ini sebuah negara yang aman.



SEROMBONGAN pelancong dari Russia yang buat pertama kalinya melancong ke negara ini tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 4 Januari lepas. Rombongan itu berada di negara ini selama sebelas hari di bawah anjuran pakej pelancongan yang dikendalikan oleh Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PARA pelancong dari Russia disambut dengan keramahan iaitu atur cara kebudayaan daripada penari-penari DKS yang diiringi dengan muzik tradisional. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Dari muka 1

Perutusan tahun baru Jabatan Perdana Menteri itu juga menyentuh mengenai peranan sektor awam sebagai pemudah cara dan rakan kongsi kepada sektor swasta dan orang ramai, peningkatan perkhidmatan melalui Tekad Pemuduan Orang Ramai (TPOR) yang berjalan di semua jabatan dan Kementerian yang wajar dikemaskinikan dari masa ke semasa.

Dalam hubungan ini, ketua-ketua jabatan diingatkan supaya sentiasa memberikan perhatian bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan memperbaiki TPOR di jabatan masing-masing. Dalam masa yang sama semua pegawai dan kakitangan kerajaan adalah juga mempunyai tanggungjawab yang sama kepada kejayaan pelaksanaan TPOR di jabatan masing-masing ke arah memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan efisien.

Perutusan itu juga mengingatkan supaya amalan berjiwat cermat terus dipertingkatkan dalam mengatur perbelanjaan kerajaan bagi mengelakkan berlakunya pembaziran. Ke arah ini semua pegawai dan kakitangan kerajaan juga diingatkan supaya bersikap prihatin dan bertanggungjawab dalam sama-sama menangani hasrat kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan.

Dalam waktu yang sama, anggota perkhidmatan awam juga diseru supaya sentiasa membuat kajian ke atas proses dan prosedur kerja di jabatan dan Kementerian masing-masing bagi meningkatkan penderiaan hasil kerajaan dengan menghasilkan perkhidmatan dan tatacara pengutipan hasil yang lebih berkesan.

## Ramah Mesra Aidilfitri RPN Kg. Mentiri



MAJLIS Sambutan Ramah Mesra Aidilfitri anjuran Ahli Jawatankuasa Simpang 59/23, Rancangan Perpindahan Negara Kampung Mentiri mengeratkan lagi silaturahmi sesama penduduk. - Gambar oleh Haji Ahmad HS.

KOTA BATU, 6 Januari. - Suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi hangat diraikan oleh lapisan masyarakat, khususnya kalangan jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian, kampung, mukim dan persatuan di negara ini.

Ahli Jawatankuasa Simpang 59/23, Rancangan Perpindahan Negara Kampung Mentiri mengadakan Majlis Sambutan Ramah Mesra Aidilfitri yang dilangsungkan di kawasan kediaman penduduk simpang berkenaan, Awang Adanan dan Haji Muhammad.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Ketua Kampung Kawasan II Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Awang Haji Sulaiman bin Jafar. Antara atur cara majlis ialah pertandingan nyanyian karaoke dewasa, veteran dan kanak-kanak,

Oleh Haji Ahmad HS

dan juga penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim.

Salah satu atur cara majlis yang menarik ialah cabutan nombor rumah-rumah di mana setiap rumah dalam kawasan itu akan memperolehi hadiah masing-masing dan jempolan yang hadir di majlis itu berpeluang untuk meneka harga barang yang disimpan dalam bakul.

Majlis diadakan adalah bertujuan untuk sama-sama memeriahkan suasana Sambutan Hari Raya di samping mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin di kalangan penduduk di kawasan itu dan memohon kemaafan sempena hari yang mulia.

# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



Gambar-gambar oleh  
Pengiran Rafee PDPHM  
dan Abdullah HAD

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera dan adinda-adinda baginda serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain menadah tangan ketika doa tahlil dibacakan oleh Mufti Kerajaan.





KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulla dan putera-putera dan adinda-adinda baginda di Kubah Makam Diraja telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulakan Pehin-Pehin Manteri dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (gambar atas dan bawah).

DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjurus syng asah-asahan ke makam ninda Duli Yang Teramat Mulla, Duli Yang Teramat Mulla Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (atas kanan). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqir Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menjurus syng asah-asahan ke makam ayahanda Duli Yang Teramat Mulla.






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera dan adinda-adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah Yang Dimulakan Pehin-Pehin Manteri yang hadir di Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja (kanan). Sementara gambar kiri, baginda menadah tangan ketika doa tahlil dibacakan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam bonda Duli Yang Teramat Mulia, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam ninda-ninda Yang Teramat Mulia.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam ninda Yang Teramat Mulia (atas). Sementara gambar kiri, bacaan doa tahlil telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Liputan oleh Samle Haji Jait  
Gambar-gambar oleh Hamadi HM

PENUNTUT-PENUNTUT dan murid-murid dari sekolah menengah dan rendah di seluruh negara kembali bersekolah setelah bercuti bagi penggal hujung tahun 2000 dan juga bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri, 8 Januari, 2001.

Tinjauan PELITA BRUNEI ke beberapa buah sekolah menengah mendapati kebanyakan penuntut berwajah riang memulakan sesi persekolahan mereka.

Kegembiraan mereka itu disalut dengan suasana kemeriahan Hari Raya yang masih disambut, selain dapat berjumpa kembali dengan rakan-rakan lama.

Bagaimanapun, seperti kelazimannya, bagi murid-murid sekolah rendah terutama pra sehingga darjah satu terutama yang baru mengalami alam persekolahan pula melahirkan reaksi yang berbeza-beza.

Setiap murid menimbulkan aksi yang tersendiri. Mereka merasakan alam persekolahan masih janggal buat mereka, namun strategi psikologi guru-guru mengendali kerenah mereka dapat mengawal perasaan hiba, takut serta malu murid-murid baru berkenaan.

Sementara itu, Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) sejajar dengan matlamatnya untuk menjana pembangunan negara telah mengorak langkah setapak lagi dengan menubuhkan sekolah menengahnya sendiri.

Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad berkata, Sekolah PGGMB akan dijadikan sebagai wadah untuk memperkayakan ilmu pengetahuan, menimba pengalaman dan merebut setiap peluang bagi menajamkan minda untuk mengekalkan tamadun manusia dalam bidang ilmu pengetahuan.

"Adalah menjadi impian PGGMB agar program kurikulum dan ko-kurikulum yang holistik serta penyediaan fasiliti tambahan akan membuahkan inspirasi kepada ibu bapa untuk memberi kepercayaan penuh kepada pentadbir dan guru Sekolah Menengah PGGMB untuk melengkapkan anak-anak menjadi insan yang mempunyai survival instinct yang mantap," jelas Awang Haji Antin ketika merasmikan Pembukaan Sekolah Menengah PGGMB, di Jalan Sungai Akar.

Lebih seratus penuntut mendaftar dan memulakan sesi persekolahan tingkatan satu di sekolah berkenaan.

Sekolah menengah yang julung kali baru beroperasi ini menyediakan tiga buah bilik darjah dilengkapi dengan kemudahan bagi memercukan pelaksanaan Program Kurikulum Sekolah Menengah yang komprehensif selaras dengan Kementerian Pendidikan.

Selain mengikuti program kurikulum yang komprehensif, sekolah berkenaan turut memberi peluang kepada pelajarannya untuk mengasah kemahiran dan menonjolkan bakat dalam aktiviti ko-kurikulum (ECA).




YANG Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin ketika mengalu-alukan para penuntut tingkatan satu yang baru.

# Menimba ilmu bermula



GEMBIRA.... Sebahagian penuntut baru Sekolah Menengah PGGMB mula mendaftar di sekolah berkenaan.



SELAMAT berjumpa kembali, murid-murid bersalaman di hari persekolahan bermula bagi musim 2001.

ADIK ini masih di dalam 'mood' bercuti.

# Kesetiaan harus dikotakan, bukan sekadar ungkapan

KUALA BELAIT, 4 Januari. - Kesetiaan bukan sekadar untuk diungkapkan tetapi lebih daripada itu yang harus dikotakan dalam bentuk pengorbanan, penghayatan dan komitmen.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani berkata demikian di Majlis Mengangkat Sumpah dan Melafazkan Ikrar Taat Setia ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Dewan Perniagaan Tionghoa Daerah Belait Sesi 2001 dan 2002 yang diadakan di Dewan Perniagaan China di sini.

Dato Paduka menegaskan, kalimat kesetiaan memang senang dan mudah untuk disebut tetapi untuk menterjemahkannya menjadi suatu realiti, memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tinggi.

Dari itu Pegawai Daerah berharap, sumpah dan ikrar taat setia kepada raja dan organisasi yang akan dilafazkan itu akan dapat dihayati dengan penuh keikhlasan dan komitmen.

Dato Paduka juga berharap, ikrar yang dilafazkan itu akan dapat dibudayakan dalam kehidupan berbangsa dan berbangsa masyarakat Tionghoa di bumi bertuah Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Kata Dato Paduka, mereka hendaklah memahami dan mengakui hakikat bahawa mereka hidup di sebuah negara yang satu-atunya Negara Melayu Islam Beraja di dunia ini yang telah mengisytiharkan dan mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Dari itu jelas Dato Paduka, mereka hendaklah bersedia mengasimilasikan diri mereka khususnya dengan ciri-ciri budaya dan kehidupan masyarakat tempatan yang menjunjung tinggi nilai-nilai yang terkandung dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja yang telah dimasyhurkan itu tanpa membuang nilai-nilai budaya dan tradisi masyarakat Tionghoa yang kaya dengan nilai-nilai yang murni.

Dato Paduka juga menyeru seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini supaya akan sama-sama mengekalkan keamanan, ketenteraman serta keharmonian hidup bermasyarakat dan sama-sama memberikan sokongan padu kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam apa jua rancangan dan projek yang dilaksanakan bagi kemajuan dan pembangunan serta kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Dato Paduka seterusnya menyeru masyarakat di daerah ini supaya akan dapat sama-sama memberikan sumbangan positif bagi

Oleh Dk Hj. Saidah PHOA

menjayakan Tahun Melawat Brunei 2001 dengan membudayakan dan menunjukkan sikap ramah-tamah serta tidak camah mata di samping kemesraan kepada para pelancong yang datang ke daerah itu.

Yang DiPertua Dewan Perniagaan Tionghoa Daerah Belait, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Awang Onn Siew Siong dalam ucapan alu-aluannya berkata pihaknya berjanji akan terus memberikan sumbangan dan kerjasama kepada pihak kerajaan khususnya dalam apa jua bentuk aktiviti yang dianjurkan yang memerlukan sumbangan dan kerjasama daripada ahli-ahli dewan.

Katanya, sejak beberapa dekad kebelakangan ini, ahli-ahli dewan telah menerima kemudahan dan galakan yang amat berfaedah daripada jabatan-jabatan kerajaan di daerah ini terutama dalam sektor perniagaan dan perusahaan. Kerjasama dua hala seperti itu tambahnya, pasti akan terus ditanai dan dihormati serta dihargai.

Yang Dimuliakan menambah, suatu perkara yang terus menjadi impian ahli dewan khususnya dan masyarakat perniagaan amnya ingin melihat daerah ini khasnya dan negara ini amnya akan menjadi tumpuan membeli-belah penduduk negara ini sendiri khasnya.

Dengan demikian, kata Yang Dimuliakan, sedikit sebanyak akan mengawal pengaliran wang yang banyak yang sangat tidak diingini dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Majlis itu diadakan bagi menandakan saat bermulanya ahli-ahli mendukung tugas yang diamanahkan sambil berjanji dan bersumpah untuk menjalankan tugas dengan penuh komitmen, tekad, azam, jujur dan ikhlas serta dengan semangat kecintaan yang padu demi kepentingan dewan tersebut dan masyarakatnya.

Selain itu memberi peluang kepada ahli-ahli dewan membarui dan mengukuhkan lagi ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda.

Di majlis itu Dato Paduka menerima wang sejumlah \$2,000.00 daripada Dewan Perniagaan Tionghoa yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan untuk didermakan kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Belait dan Persatuan Orang-Orang Cacat Daerah Belait.

Dato Paduka juga menerima cek bernilai \$1,000.00 daripada Syarikat Wong Wah Seng yang disampaikan oleh pengusaha syarikat itu, Awang Wong Ming Ching untuk didermakan kepada kedua-dua tabung berkenaan.

Dewan Perniagaan Tionghoa Daerah Belait ditubuhkan pada tahun 1957 dengan keramaian ahlinya 230 orang dan pada ketika ini keramaian ahlinya berkurangan kepada 220 orang sahaja.

Pertubuhan ini merupakan salah sebuah dewan perniagaan yang aktif dan tidak ketinggalan menyertai pelbagai kegiatan yang membina antaranya perbarisan Hari Kebangsaan, perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menerima sumbangan cek bernilai \$2,000.00 daripada Persatuan Peniaga Tionghoa Daerah Belait yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Awang Onn Siew Siong. Derma tersebut adalah untuk Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Anak-Anak Cacat Daerah Belait. - Gambar ihsan Miri Daily News.

## Pertandingan Lukisan dan Kraft Tangan Kanazawa Sedunia 2001

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pertandingan Lukisan dan Kraft Tangan Kanazawa Sedunia 2001 akan diadakan di Art Salon and Exhibition Hall, Karimbo Daiwa Jepun bermula dari 27 September, 2001 hingga 1 Oktober, 2001.

Penganjur pertandingan mengalu-alukan penyertaan orang ramai baik secara individu atau berkumpulan dari seluruh dunia.

Kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam yang ingin menyertai pertandingan tersebut, mereka bolehlah mendapatkan keterangan lanjut daripada Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku urus setia pertandingan itu di negara ini.

## SUMBANGAN RENCANA UNTUK AKHBAR RASMI KERAJAAN PELITA BRUNEI

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengalu-alukan para pembaca bagi menyumbangkan rencana untuk PELITA BRUNEI yang berkisar kemajuan dan perkembangan Negara Brunei Darussalam di bidang hubungan antarabangsa, ekonomi, sosial dan agama. Terserahlah kepada pembaca memilih tajuk yang bersesuaian asalkan tidak bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan.

Panjang rencana adalah 1,000 hingga 1,500 patah perkataan dan hendaklah ditaip dalam kertas A4 langkau dua baris. Sidang Penyunting Unit PELITA BRUNEI akan memilih gambar-gambar yang bersesuaian bagi menyokong dan menguatkan lagi rencana yang bersesuaian untuk disiarkan.

Rencana yang disiarkan akan diberi bayaran saguhati sebanyak \$75.00 (Tujuh Puluh Lima Ringgit Brunei).

Para penyumbang hendaklah menyertakan nama lengkap, nombor kad pengenalan, alamat dan nombor telefon (jika ada).

Sumbangan segera adalah amat dihargai dan hendaklah ditujukan kepada:

Sidang Penyunting PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas, BB 3510.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menerima sumbangan cek berjumlah \$1,000.00 daripada Awang Wong Ming Ching daripada Syarikat Wong Wah Seng Trading untuk Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Anak-Anak Cacat Daerah Belait. - Gambar ihsan Miri Daily News.



**LEBIH 47 RIBU  
MENYEMBARKAN  
UCAPAN SELAM  
HARI RAYA AID**

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
31 Disember, 2000. - Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka  
Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah, Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam, Kebawah Duli  
Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Raja Isteri Pengiran  
Anak Hajah Saleha dan Duli  
Yang Teramat Mulia Pengiran  
Isteri Hajah Mariam berkenan  
menerima junjung ziarah dan  
memberi ucapan Selamat Hari

Raya Aidilfitri yang disebarkan oleh rakyat dan penduduk negara ini di Istana Nurul Iman.

Selama tiga hari Istana Nurul Iman dibuka, sejumlah 47,246 orang rakyat dan penduduk termasuk anggota pasukan beruniform serta rakyat asing telah menjunjung ziarah dan menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis baginda dan keluarga.

Berangkat bersama-sama  
Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
bagi menerima junjung ziarah  
pengunjung-pengunjung lelaki  
talah Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah, Duli  
Yang Teramat Mulia Paduka  
Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed

Bolkiah  
Mulia  
Bendah  
Permai  
Haji S  
Terama  
Duli H  
Abdul  
Mulia  
Pengira  
dan Y  
Paduka  
Muda  
ahli-ah  
lain.



# N AT LFITRI

Yang Teramat  
Seri Pengiran  
Maharaja  
Pengiran Muda  
Kiah, Yang  
Paduka Seri  
Muda Haji  
Yang Teramat  
Seri Duli  
Abdul Malik  
Teramat Mulia  
Pengiran  
ateen serta  
diraja yang



-gambar  
HS, Pg. HJ,  
Harun HR,  
PDPHM,  
HMA  
Tengah

Di ruang lain Istana Nurul Iman pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima junjung ziarah daripada pengunjung-pengunjung wanita.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah dan cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Lagi gambar-gambar di muka 12 dan 13.



PELBAGAI lapisan rakyat dan penduduk di negara ini amat beruntung kerana dapat bertemu dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain bagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain gembira menemui rakyat dan penduduk negara ini yang beramal-ramai menjunjung ziarah bagi mengucapkan Selamat Hari Raya (gambar atas dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, orang ramai yang datang ke Istana Nurul Iman bagi mengucapkan Selamat Hari Raya dibekalkan dengan bekas yang berisi kuih-muih sebagai tanda kenangan sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman.



## Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri

JERUDONG. - Dalam suasana umat Islam bergembira menyambut Hari Raya Aidilfitri Al-Mubarak, golongan istimewa di negara ini tidak dilupakan untuk sama-sama merasai kemeriahan hari lebaran itu.

Pada 1 Januari lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan meraikan serta mengurniakan jamuan Hari Raya Aidilfitri kepada golongan istimewa di negara ini.

Majlis yang diadakan di Balai Pemanjangan Baitul Amman, Istana Nurul Izzah itu dihadiri oleh ahli-ahli Persatuan Orang-Orang Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) dan Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) serta anak-anak yatim dari seluruh negara.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bol-

kiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Majlis yang diadakan pada setiap tahun menjelang Hari Raya Aidilfitri itu memberikan kesempatan kepada golongan istimewa dan anak-anak yatim bagi sama-sama menyambut dan merasakan kemeriahan suasana Hari Raya yang mulia itu.

Dalam majlis itu wakil PELITA BRUNEI telah sempat menemu bual beberapa orang anak yatim dan golongan istimewa serta keluarga mereka yang rata-rata melahirkan rasa kesyukuran serta menjunjung kasih atas kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri mengurniakan majlis seperti itu kepada mereka.

Mereka menyatakan bahawa golongan istimewa dan kurang berkemampuan di negara ini tidak pernah diabaikan malahan sentiasa mendapat pemeduliaan khusus daripada agensi-agensi berkenaan dan masyarakat.

Antara yang sempat ditemu bual ialah seorang anak yatim, Dayang Nurul Zahirah binti Jefri, 10 tahun dari Kampong

# Golongan istimewa sama-sama merasai kemeriahan hari lebaran

Oleh Sahari Akim, Bolhassan HAB dan Abu Bakar HAR

Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB, Abdullah HAD dan Hamadi HM

Bukit, Daerah Tutong. Dia yang merupakan anak sulung dan sedang belajar dalam darjah enam menghadiri majlis itu bersama tiga orang adiknya yang lain.

Juga ditemu bual ialah Dayang Hajah Ronie binti Musa, ibu kepada kanak-kanak istimewa, Awang Abdul Hakim bin Haji Abdul Hamid dari Kampong Perpindahan Lambak Kanan.

Menurut Dayang Hajah Ronie, anaknya yang berusia sembilan tahun itu

menghidap penyakit 'Mucopolysaccharidosis' dan kepala berair tidak dapat mengikuti pendidikan dan merupakan pesakit 'open case' di wad 2 Rumah Sakit RIPAS.

Sementara itu Awang Ibrahim bin Chuchu, 53 tahun dari Kampong Lumapas, seorang pemain muzik Kumpulan Senandung PAPDA menyatakan, beliau hilang penglihatan ketika berusia sembilan tahun kerana menghidap 'kelimangau'.

Beliau yang mampu

nyai seorang isteri dan lima orang anak menyara hidup dengan mengusahakan ternakan ayam, berkebun dan menjual kraf tangan dibantu oleh isteri dan anak-anaknya.

Begitu juga dengan nasib yang menimpa Awang Abdul bin Haji Awang, 46 tahun, dari Kampong Tanah Jambu yang mengalami kecacatan kaki akibat kemalangan jalan raya pada tahun 1984.

Kecacatan yang dialami itu tidak mematahkan semangat Awang Abdul untuk meneruskan tugas beliau sebagai Penyambut Tetamu di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak



KEMALANGAN .... Awang Abdul bin Haji Awang, seorang ahli Persatuan PAPDA mengalami kemalangan jalan raya pada tahun 1984.

Saleha, biarpun terpaksa menggunakan kerusi roda.

Bagi Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Garip, 59 tahun, yang mengalami cacat penglihatan tidak menghalangnya mengikuti pembelajaran Al-Quran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan menggunakan braille.

Awang Haji Abdul Ghani yang berasal dari Kampong Panchor Murai hilang penglihatan berpunca dari penyakit 'kelimangau' atau demam panas ketika beliau berusia lima tahun.

Seorang lagi anak yatim yang sempat ditemu bual ialah Awang Andy Yong Tze, 12 tahun dari Daerah Belait yang datang bersama dua orang



DAYANG Nurul Zahirah binti Jefri salah seorang anak yatim dari daerah Tutong datang bersama 3 orang adiknya.



HILANG PENGLIHATAN ..... Awang Ibrahim bin Chuchu salah seorang pemain muzik Kumpulan Senandung PAPDA mengusahakan ternakan ayam, berkebun dan menjual kraf tangan untuk menyara keluarga.



AWANG Haji Abdul Ghani ..... Hilang penglihatan sejak berusia 5 tahun disebabkan penyakit 'kelimangau'.

# Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri



KEGEMBIRAAN jelas terbayang di wajah mereka yang diraikan.



SEBAHAGIAN daripada anak-anak yatim dan golongan istimewa yang diraikan.



MOHD. ARIFF ..... Mengikuti latihan di Kelas Bimbingan Orang-Orang Cacat Kampong Pulaie.



AWANG ANDY YONG TZE ..... "Ayah saya meninggal dunia lebih kurang lapan tahun yang lalu."

## Dari muka 10

kakaknya. Dia yang belajar dalam tingkatan 1 menyatakan bahawa ayahnya meninggal dunia lebih kurang lapan tahun yang lalu. Semenjak itu mereka dipelihara oleh ibunya yang bekerja di sebuah syarikat swasta di Daerah Belait.

Ibu kepada Awang Mohd Ariff, Dayangku Aminah binti Pengiran Bakar turut menyebarkan rasa terharu di atas keprihatinan seorang raja yang dikasihi oleh sege-

nap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Menurut ibu tunggal itu lagi, Awang Mohd. Ariff yang berusia 12 tahun telah mengalami terencat akal sejak lahir kini belajar di Kelas Bimbingan Orang-Orang Cacat Kampong Pulaie.

"Majlis seumpama ini memberi peluang kepada mereka yang kurang bernasib baik. Saya amat menjunjung kasih di atas pemedulian baginda terutama kepada golongan sebegini," jelas beliau dengan terharu.


Alhamdulillah anak-anak yatim, golongan istimewa dan kurang upaya di negara ini sentiasa mendapat perhatian dan pengalangan daripada agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai bagi menentukan kehidupan mereka terjamin.

Golongan istimewa ini selain menerima bantuan sara hidup juga diberikan pendidikan dan latihan khusus bagi membolehkan mereka melibatkan diri dalam bidang pekerjaan dan perusahaan untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.

**ALHAMDULILLAH** anak-anak yatim, golongan istimewa dan kurang upaya di negara ini sentiasa mendapat perhatian dan pengalangan daripada agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai bagi menentukan kehidupan mereka terjamin.



MENUNGGU GILIRAN ..... Masing-masing menunggu giliran untuk menjunjung ziarah.



'MUCOPOLYSACARRIDOSIS' DAN KEPALA BERAIR ..... Penyakit yang dihidapi oleh Awang Abdul Hakim menyebabkannya tidak dapat bersekolah seperti kanak-kanak normal.



# BERKENAN MENERIMA JUNJUNG ZIARAH HARI RAYA

Gambar-gambar oleh Halim HS,  
Pengiran Haji Bahar PHO, Harun HR,  
Ramli Tengah, Haji Masmaleh HMA,  
Pengiran Rafee PDPHM dan Masri Osman

**KEMESRAAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah para pengunjung wanita sempena Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah orang ramai yang terdiri daripada pasukan beruniform wanita, rakyat dan penduduk negara ini serta pengunjung dari luar negara yang berkunjung ke Istana Nurul Iman bagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri (gambar atas, atas kanan dan bawah kanan).




**YANG** Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam berkenan menerima junjung ziarah dan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri daripada para pengunjung wanita (gambar atas dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dengan penuh mesra berkenan menerima junjung ziarah dan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri daripada para pengunjung wanita yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan pengunjung dari luar negara (gambar kiri dan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam serta puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta Wakiliah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah gembira menerima junjung ziarah dan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri.



CUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas). Sementara gambar kanan, ribuan para pengunjung wanita menunggu giliran untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dan kerabat-kerabat diraja yang lain.



## Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri



**PENASIHAT** Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika hadir di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. - Gambar oleh Harun HR.

## Kunjungan Hari Raya belia Kampong Sungai Buloh

**BERIBI**, 7 Januari. - Suasana Hari Raya masih dirasakan di mana-mana tempat di negara ini, walaupun Syawal sudah masuk minggu kedua.

Sehubungan dengan itu, serombongan para belia Kampong Sungai Buloh telah mengadakan kunjungan berhari raya ke rumah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain yang berlangsung di kediaman rasmi Yang Berhormat di Jalan Babu Raja di sini.

Kunjungan berhari raya itu diketuai sendiri oleh Imam Masjid Kampong Sungai Buloh, Pengiran Haji Rosman.

Tujuan kunjungan berhari raya itu bukan sahaja untuk bersalaman meminta kemaafan jika ada sebarang kesalahan baik dari segi rohani mahupun secara jasmani tetapi ianya juga mengeratkan lagi

Oleh Aliddin HM

tali silaturahmi yang sedia ada akan lebih erat lagi.

Kunjungan seumpama itu bukan sahaja digalakkan oleh agama, tetapi ianya juga merupakan tatasusila dan telah menjadi satu kebudayaan bagi orang-orang Melayu Brunei sejak berzaman lagi dan ianya adalah satu aktiviti takmir Masjid Kampong Sungai Buloh, Mentiri.

**MENTERI** Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika melayan tetamu daripada serombongan para belia Kampong Sungai Buloh, Mentiri (kanan). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



**ISTERI** Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Yukmas (tiga dari kanan) sedang melayan para belia Kampong Sungai Buloh, Mentiri. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

## Sambutan Hari Raya anjuran Kem. Hal Ehwal Dalam Negeri

**GADONG**, 7 Januari. - Kemeriahan Hari Raya terus terasa dengan adanya kunjung-mengunjungi kepada keluarga, sanak-saudara atau sahabat-handai sekalipun umat Islam di negara telah menyambut kedatangan Syawal memasuki minggu kedua.

Oleh Samle HJ

Selain kemeriahan berbalas kunjungan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya juga turut mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri sempena menyambut hari kemenangan bagi umat Islam di salah sebuah hotel, di sini.

Hadir di majlis itu selaku tetamu kehormat ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Ramah mesra berkenaan telah diserikan dengan persembahan lagu-lagu Hari Raya oleh pegawai-pegawai dan kakitangan selain bergembira menikmati beraneka juadah.

Majlis berkenaan juga diharapkan akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahmi di antara pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.



## Sambutan Hari Raya PESAKA

**TUTONG**. - Sambutan Hari Raya telah dianjurkan oleh Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Kali Ke-9 di Dewan Wawasan PESAKA Kampong Keriam, Tutong.

Kira-kira 250 orang ahli-ahli persatuan dan penduduk kampung hadir, yang mana telah dimulakan dengan ucapan Pengerusi sambutan, Dayang Hajah Halimah binti Haji Mahadi, Ketua Biro Wanita PESAKA, ucapan Pengerusi Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Safar dan nyanyian ramai Ahli Jawatankuasa PESAKA, fesyen pakaian kanak-kanak lelaki/perempuan dan wanita 60-an dewasa dan penyampaian hadiah peraduan bercucuk lampu elektrik dan minyak tanah kali ke-9 yang disertai 21 buah rumah lampu elektrik dan enam buah lampu minyak tanah.

Pemenang bercucuk lampu elektrik pada tahun ini, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Siput (kali kedua berturut-turut); ke-

dua, Awang Haji Tuah bin Haji Libut dan ketiga, Awang Saharullazi bin Haji Lamat, manakala lampu minyak tanah dimenangi

oleh Awang Qadhary bin Haji Aliahmad (kali ketiga berturut-turut); kedua, Awang Karia bin Haji Duraman dan ketiga,

Awang Sharullazi bin Haji Lamat. Hadiah-badiah ditaja oleh ahli jawatankuasa dan penduduk kampung.



**PERSEMBAHAN** nyanyian daripada kanak-kanak ahli-ahli PESAKA menyerikan lagi suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Persatuan Melayu Keriam (PESAKA). - Gambar ihsan PESAKA.

**A**DA berbagai-bagai tanggapan atau istilah yang diberikan mengenai dengan pengertian 'globalisasi'. Ada yang memberikan gambaran bahawa globalisasi itu adalah sesuatu yang baik dan ada pula yang sebaliknya. Namun, pada umumnya, kebanyakan orang memberikan istilah atau gambaran secara ram-bang bahawa globalisasi itu bermakna perubahan zaman, iaitu dari abad kedua puluh ke abad kedua puluh satu yang merangkumi perkembangan dalam bidang sains dan teknologi, termasuk dalam bidang teknologi maklumat (IT) yang berkembang dengan begitu cepat dan pesat dan di luar daripada jangkaan manusia biasa. Ianya perlu diterima secara total dan menjadi cabaran yang harus kita tempuhi, supaya kita akan dapat sama-sama maju ke hadapan dan tidak akan tertinggal di belakang.

Selain daripada itu, globalisasi juga memerlukan kita mempunyai minda atau pemikiran yang lebih realistik, cepat dan pantas di dalam membuat sesuatu analisa secara kritikal yang lebih menjurus ke arah pemikiran yang bersikap akademik dan dengan fakta-fakta yang boleh diterima secara logikal. Itulah barangkali yang dimaksudkan dengan istilah globalisasi.

Dalam hubungan ini, dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik, cekap dan amanah kepada orang ramai dan seterusnya kepada rakyat dan negara, perkhidmatan awam di Negara Brunei Darussalam, sudah tentu tidak dapat lari daripada mengalami perubahan dan cabaran-cabaran, terutama sekali dari segi struktur organisasi, matlamat, peranan, strategi dan juga mekanisme supaya lebih tersusun dan sesuai dengan perkembangan masa kini, serta mempunyai vision (wawasan) yang jelas secara rasional.

#### WAWASAN

Wawasan atau vision, adalah perlu bagi perkhidmatan awam dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa-masa yang akan datang di dalam abad ini, dan ianya antara lain bertujuan:

- \* Untuk memberikan arah tuju bagi memperkukuhkan dan menyatupadukan serta mengem-blen tenaga ke arah pem-baharuan yang telah dan sedang diusahakan oleh perkhidmatan awam sesuai dengan perubahan zaman dan suasana sekeliling yang jauh berbeza dengan apa yang ada seratus tahun yang lampau;

- \* Untuk dijadikan sumber rujukan ataupun asas dalam usaha melahirkan perkhidmatan awam yang lebih baik dan di-redai oleh Allah Subhanahu Wataala;

- \* Untuk dijadikan sebagai landasan dan strategi ke arah meningkatkan kemampuan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan awam;

- \* Untuk dijadikan sebagai dorongan dan galakan kepada semua pegawai dan kakitangan awam untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

#### MATLAMAT

Untuk melahirkan perkhidmatan awam yang benar-benar berkualiti dan berkesan, matlamat yang jelas dan berkesan haruslah ada di mana ianya mengandungi:

- a) Beriltizam - Yang bertujuan memberikan sepenuhnya tumpuan kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh perhatian (commitment) penglibatan, keazaman, keberanian, inovatif dan proaktif untuk menuju ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam;

- b) Berkualiti - Sentiasa memberikan tumpuan ke arah kesempurnaan dan mutu perkhidmatan di dalam semua bentuk tugas dan tanggungjawab ke arah yang lebih baik dan sempurna;

- c) Berkesan - Setiap pegawai dan kakitangan awam yang terlibat hendaklah sentiasa memberikan perkhidmatan yang jujur dan ikhlas, serta ber-

# Perkhidmatan Awam Dalam Era Globalisasi

OLEH MUHAMMAD HAJI KASSIM

tanggungjawab dengan petunjuk Allah Subhanahu Wataala jua dan dengan penuh keyakinan, taat menurut perintah serta hormat kepada ketua atau pemimpin;

- d) Cemerlang - Setiap pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang cemerlang serta berse-suaian dengan kehendak dan tuntutan sekitaran yang berhubung kait dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

- e) Berakhlak dan beretika - Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaku seorang pegawai dan kakitangan kerajaan, anda seharusnya mempunyai akhlak yang terpuji, jujur dan amanah di mana semua ini akan mencerminkan keseluruhan perkhidmatan awam itu dalam mempertahankan kepentingan awam, negara, bangsa dan agama.

#### PERANAN

Peranan yang penting bagi perkhidmatan awam di Negara Brunei Darussalam ialah mengekalkan tradisi bagi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan yang bertujuan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara mengikut garis panduan dan peranan masing-masing yang telah ditetapkan bagi memenuhi matlamat mewujudkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan beriltizam, di samping dapat menerapkan nilai-nilai murni, etika kerja yang positif dan bersedia untuk mengadakan sebarang perubahan yang sesuai dengan peredaran masa, khususnya bagi memenuhi kehendak-kehendak seperti berikut:

- Pemudah Cara
- Mengembang maju dan membawa perubahan atau pem-baharuan
- Pemikir, bagaimana mencari idea-idea yang baik untuk disumbang ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam.

#### FOKUS

Fokus yang bermakna menentukan arah tujuan ataupun matlamat yang sebenar ke mana perkara-perkara berikut akan ditentukan iaitu:

- a) Dasar - Dasar atau matlamat adalah memainkan peranan yang penting sebagai salah satu cara untuk meninggikan taraf hidup dan kemajuan bangsa dan negara dan ianya perlu diteliti dan dinilai serta dikaji semula dari semasa ke semasa ke arah memantapkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara mengikut arus yang telah ditetapkan.

- b) Struktur Organisasi - Struktur organisasi di dalam sebuah jabatan itu perlu diadakan perubahan mengikut perkembangan semasa demi untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan organisasi berkenaan demi untuk memenuhi cita rasa orang ramai yang sering berurusan dengan jabatan berkenaan.

- d) Perlakuan Organisasi - Ini penting untuk menggerakkan dalam hal pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara lebih sistematik demi untuk mewujudkan tenaga kerja yang cekap dan berkesan serta perubahan sikap ke arah mengukuhkan nilai-nilai murni dan akhlak yang tinggi bagi semua pegawai dan kakitangan

dalam perkhidmatan awam di negara ini.

#### STRATEGI

Untuk melaksanakan dan menjayakan matlamat serta wawasan perkhidmatan awam dan memperkemaskan jentera pentadbirannya, bagi melaksanakan perkara-perkara yang tersebut di atas (struktur, dasar dan perlakuan organisasi), maka Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun melaksanakan dengan jayanya projek-projek atau perancangan yang sangat berkesan demi untuk meningkatkan tahap prestasi dan produktiviti pegawai dan kakitangan kerajaan melalui program seperti berikut:

- \* Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam.
- \* Rancangan Penelitian Semula ke atas Perkhidmatan Awam.
- \* Menilai Semula ke atas Undang-undang dan Peraturan-peraturan (seperti Peraturan-peraturan Am) (General Orders, 1961, Peraturan-peraturan Kewangan dan sebagainya).
- \* Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).
- \* Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).
- \* Pembangunan Sumber Manusia.
- \* Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam.

#### TITAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku tunggak pemerintahan negara, adalah seorang raja yang sentiasa mengambil berat akan hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya, terutama sekali yang melibatkan dalam bidang-bidang seperti politik, ekonomi dan sosial. Ini

dapat dibuktikan dengan pengurniaan titah-titah baginda antaranya:

- "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selamalamanya menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam."

Titah sempena Permaisuri Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984.

- ".... Apabila semua tenaga bersatu dan menggunakan peta perjalanan yang satu, maka insya-Allah negara akan selamat dan kita akan terus maju ...."

Titah bersempena Menyambut Tahun Baru pada 1 Januari, 1996.

- ".... Kita mahu melihat negara kita terus-menerus berada di dalam aman, makmur serta maju, seiring dengan warga bangsa dunia yang lain. Kita juga ingin negara kita menikmati kestabilan. Kita juga mahu menjadi bangsa yang berilmu, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi serta cemerlang di segenap bidang ...."

- ".... Kita inginkan sektor swasta yang dinamik dan berdaya maju serta mempunyai daya saing yang tinggi, sebagaimana juga kita mahu sektor awam dan perkhidmatan awam

yang berteraskan kecemerlangan serta etika kerja yang tinggi ...."

Titah sempena menyambut Tahun Baru pada 1 Januari, 2000.

- ".... Kerjasama erat dan padu di antara kerajaan dan swasta amatlah mustahak untuk menjadikan negara ini dapat menarik pelabur-pelabur bagi melabur di dalamnya ... Sektor kerajaan bertindak selaku regulator, manakala sektor swasta berperanan sebagai penggerak ekonomi."

Kesimpulannya dalam menghadapi cabaran dan era globalisasi, perkhidmatan awam di negara ini haruslah bergerak seiring dengan kemajuan sains dan teknologi yang mana mempengaruhi suasana dan daya berfikir manusia yang kebanyakan berpendidikan tinggi di mana cara mereka bertindak dan mengeluarkan pendapat masing-masing akan menjadi lebih matang dan kritis. Ini juga memerlukan kita selaku pegawai dan kakitangan kerajaan mengubah sikap dan komitmen untuk menyeimbangkan pengaruh dan kesan globalisasi, ketahanan daya saing dan juga ekspektasi yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Perhatian: Sebahagian daripada kandungan artikel ini adalah bersumber daripada risalah kecil yang bertajuk: 'Wawasan Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam, Perkhidmatan Awam Abad Ke-21' yang diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri sempena Hari Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam pada 14 Oktober, 2000 yang baru lalu. - (PENULIS).



GAMBAR HIASAN .... Bermuzakarah antara ketua dan pegawai serta kakitangan boleh melahirkan perkhidmatan awam yang benar-benar berkualiti dan berkesan.

Mesyuarat Menteri-menteri  
Pelancongan ASEAN

# INDUSTRI PELANCONGAN DITINGKATKAN

Oleh Abdullah Asgar dan Samle HJ

BERAKAS, 9 Januari. - Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN Ke-4 akan lebih menumpukan perhatian pada meningkatkan industri pelancongan di kalangan anggotanya setelah kebanyakan negara-negara ASEAN dilanda kegawatan ekonomi hampir tiga tahun lalu.

Langkah mesyuarat ini juga penting bagi memulihkan ekonomi masing-masing kerana industri pelancongan merupakan industri pertama dunia, yang mana banyak negara telah memperoleh manfaatnya. Ada di kalangan negara di dunia hanya bergantung pada industri ini sebagai sumber utama pendapatannya.

Bagi Negara Brunei Darussalam, tahun 2001 adalah merupakan tahun dijadikan sebagai Tahun Melawat Brunei yang berkebetulan negara menjadi tuan rumah pada mesyuarat kali ini dan mesyuarat yang berkaitan dengan pelancongan.

Tahun Melawat Brunei mengharapkan tiga perkara utama untuk dicapai pertama, ialah berjaya negara mencapai 'target' satu juta pelancong pada penghujung tahun ini? kedua, bolehkah ditingkatkan kadar penyewaan bilik-bilik hotel? dan ketiga, banyakah peluang-peluang pekerjaan akan wujud khususnya yang terlibat dalam industri ini?

Selain itu, ketika Tahun Melawat ASEAN 1992 banyak perkara mengenai meningkatkan ekonomi boleh diambil iktibar, kerana kebanyakan negara di tahun berkenaan berjaya meningkatkan dan menambah ekonomi masing-masing hanya dalam industri ini. Di samping itu, ada sebahagian negara didatangi pelancong melebihi tiga juta orang.

Antara menteri-menteri pelancongan ASEAN yang dijangka hadir ke mesyuarat kali ini ialah Menteri Pelancongan Kemboja, Tuan Yang Terutama Tuan Veng Sereyvuth; Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Tuan I Gede Ardika; Naib Menteri Bagi Perdagangan dan Pelancongan Republik Demokratik Rakyat Lao dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Tuan Yang Terutama Datu Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir.

Menteri-menteri pelancongan lain yang dijangka hadir termasuklah Menteri Perhotelan dan Pelancongan Myanmar, Tuan Yang Terutama Jeneral Saw Lim; Setiausaha Jabatan Pelancongan Republik Filipina, Puan Yang Terutama Puan Gemma Cruz-Araneta; Menteri Kanan Bagi Negara, Kementerian Perdagangan dan Industri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Peter Chen Min Liang; Naib Pengerusi, Pentadbiran Bagi Pelancongan Nasional Vietnam, Tuan Yang Terutama Tuan Pham Tu dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Tuan Rodolfo G. Severino, Jr.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, mempengerusikan Mesyuarat Pertama Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT). Mesyuarat berlangsung di Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

## Brunei akan jadi pusat siber

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 8 Januari. - Suasana era baru kepesatan teknologi maklumat sejagat merupakan cabaran besar kepada negara untuk memastikan Negara Brunei Darussalam terus relevan dan kompetitif di bidang ekonomi.

"Kita tidak boleh berdiam diri dengan hanya memerhatikan negara-negara lain maju ke hadapan," tegas Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, ketika berucap mempengerusikan Mesyuarat Pertama Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT) di kementerian tersebut.

Menurut Yang Berhormat, Majlis BIT akan memainkan peranan utama dalam menyediakan pelan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dinamik dan bertenaga sebagai negara berasaskan infoteknologi dan komunikasi.

"Kita mempunyai visi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah pusat siber di rantau ini.

Kita bergerak ke arah itu dalam beberapa bulan yang lalu," jelas Yang Berhormat.

Salah satu inisiatif awal bagi merealisasikan visi tersebut ialah dengan meliberalisasikan perkhidmatan internet yang dihasratkan akan mewujudkan pilihan meluas kepada pengguna di samping mempercepatkan pencapaian matlamat pewujudan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat siber.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, salah satu elemen utama matlamat penubuhan Majlis BIT ialah untuk menangani pewujudan e-kerajaan yang mana negara-negara dunia mempunyai peranan penting yang perlu dimainkan dalam pembangunan ekonomi dan sosial.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memulakan program perkomputeran sejak tahun 1980 lagi dan beroperasi pada tahun 1990.

Langkah seterusnya ialah mewujudkan

e-kerajaan yang akan membolehkan orang ramai dan golongan peniaga berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain di samping membolehkan mereka memperoleh dan memanfaatkan maklumat dan perkhidmatan kerajaan.

Dunia ketika itu bergerak bersama kepan-tasan internet yang memerlukan kakitangan awam juga mempunyai kemampuan seiring atau ketinggalan di belakang.

Bidang lain yang menjadi fokus jelas Yang Berhormat, ialah e-dagang dengan tertubuhnya Kumpulan Bertindak Kebangsaan yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Kumpulan bertindak itu menumpukan kepada keperluan infrastruktur, perundangan, pembangunan sumber tenaga manusia serta mempromosikan e-dagang di negara ini yang akan dijadikan input kepada Majlis BIT dan pada masa yang sama majlis itu juga akan memandu dasar dan arah tuju jika diperlukan.

Majlis BIT juga menumpukan kepada penubuhan e-pendidikan sebagai keutamaan dengan matlamat untuk melengkapkan kaum pendidik dan para penuntut dengan kemahiran-kemahiran dan infrastruktur dengan mengintegrasikan teknologi maklumat dalam kurikulum sekolah dan persekitaran pembelajaran.

Ia penting untuk melengkapkan generasi muda Negara Brunei Darussalam dengan pelbagai kemahiran, sistem dan infrastruktur ke arah ekonomi baru digital.

Mesyuarat diadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat selaku Timbalan Pengerusi, setiausaha-setiausaha tetap, ahli-ahli dari sektor pendidikan dan ahli-ahli dari sektor swasta.

## PENJUALAN AJI NO MOTO KELUARAN INDONESIA DIBEKUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Satu perjumpaan antara pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan Bahagian Kawalan Mutu Makanan dengan pegawai-pegawai daripada Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal yang dipengerusikan oleh Setiausaha Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal bagi membincangkan penjualan Aji No Moto yang didatangkan dari Republik Indonesia yang dilaporkan mengandungi enzim daging babi telah diadakan baru-baru ini.

Dalam mesyuarat tersebut keputusan telah diambil dengan menggunakan Perintah Darurat Kesihatan Awam Makanan 1998 Bab 10 (a) dan (b).

Berdasarkan perintah tersebut maka mesyuarat telah memutuskan supaya perkara-perkara berikut diambil tindakan dengan serta-merta:

- Meminta semua pedagang-pedagang di negara ini membekukan penjualan

Aji No Moto keluaran Republik Indonesia kepada semua orang-orang Islam di negara ini.

- Pihak Makmal Saintifik Kementerian Kesihatan akan membuat penganalisaan campuran-campuran yang dimaksudkan.

- Pihak Kementerian Kesihatan dan Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal akan menghubungi pihak Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam bagi mendapatkan pengesahan campuran enzim daging babi yang dimaksudkan itu.

- Berdasarkan kepada penganalisaan yang akan dibuat oleh makmal dan pengesahan Kedutaan Besar Republik Indonesia, maka semua Aji No Moto yang didatangkan dari Republik Indonesia yang mengandungi enzim daging babi akan dimasukkan dalam kategori barang-barang 'BUKAN UNTUK ORANG ISLAM'.

# 'PATUHI WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD 21'

دربیتکن اوله جباتن قتراعن، جباتن فردان متري دان دجیتق اوله جباتن قرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

## Sempena Tahun Melawat Brunei 2001 : KEAMANAN, KEHARMONIAN HIDUP BERMASYARAKAT TARIK MINAT PELANCONG

**S**UASANA kehidupan harmoni dan aman damai dikecapi oleh rakyat dan penduduk, adat resam, pelbagai puak yang unik, kestabilan ekonomi, politik, serta keindahan alam sekitar dan pemandangan yang terdapat di negara ini merupakan antara faktor yang mendorong para pelancong berkunjung ke negara ini.

Kebanyakan mereka yang ditemui sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sempena Tahun Melawat Brunei yang bermula pada 1 Januari, 2001 menyatakan suasana aman damai, keadaan politik, ekonomi yang stabil serta pemandangan alam yang indah dan menarik yang terdapat di negara ini memberikan keselesaan dan ketenangan untuk mereka bercuti dan beriadah bersama keluarga.

Pelancong dari Republik Filipina, Leo Garcia berkata, dia bersama isteri, Annabella Garcia dan anak-anaknya memilih Negara Brunei Darussalam untuk dilawati kerana negara ini aman damai dan tidak perlu takut ke mana-mana saja tempat

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL  
GAMBAR-GAMBAR OLEH  
HAJI MASMALEH HMA

untuk dilawati.

Mereka yang sudah dua kali berkunjung ke negara ini juga menyatakan bahawa penduduk di negara ini sangat baik dan sentiasa bersopan santun apabila ditemui.

"Kami rasa gembira apabila sampai ke negara yang aman damai ini. Selain rasa selamat di mana-mana jua kami pergi, kami rasa mudah untuk berbual mesra dengan para penduduk yang ramah-tamah dan berbelanja untuk buah tangan sebagai kenangan," ujar Leo Garcia.

Isterinya, Annabella Garcia pula menyatakan dalam kesempatan ini dia bercadang melawat ke Daerah Temburong untuk menikmati keindahan hutan hujan tropika

serta flora dan fauna yang terdapat di situ.

"Berbanding hutan yang terdapat di Filipina, hutan hujan yang terdapat di sini sangat unik dan mempunyai banyak spesis tumbuhan dan serangga selain air sungai yang jernih dan bukit-bukau yang terpelihara keasliannya," jelasnya.

Hutan yang terdapat di daerah itu tambahannya, amat menarik, sejuk, segar dan kesempatan melalui lawatan ini memberi peluang kepada mereka untuk mengunjunginya.

Pelancong dari India, Vijay Jayachandran yang tiba bersama ayah, ibu dan adik-adiknya berpendapat industri pelancongan yang baru diperkenalkan ini mempunyai potensi terhadap pertumbuhan ekonomi negara ini.

Dia yang hanya mengetahui Negara Brunei Darussalam melalui kakaknya yang bertugas sebagai doktor di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menyifatkan langkah mempelbagaikan ekonomi melalui sektor pelancongan ini adalah tepat dan sejajar dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara ini.

"Dengan pengalaman-pengalaman yang akan diperolehi dalam jangka empat lima tahun nanti, saya kira sektor pelancongan akan dapat menyumbangkan pertumbuhan ekonomi negara ini nanti," terangnya.

Di samping itu keadaan aman damai dan indah ini menurutnya, menjamin keselamatan para pelawat di samping berkesempatan melihat secara dekat tempat-tempat yang menarik, yang bersejarah, di samping mengenali adat resam dan budaya masyarakat setempat.

"Jadi, apabila kita dapat melihat semua perkara ini, sekurang-kurangnya akan bertambahlah pengetahuan, pengalaman dari tempat yang dikunjungi itu," katanya.

Juga menyuarakan pandangan yang sama mengenai suasana aman damai yang terdapat di negara ini, menyumbang kehadiran ramai pelancong datang ialah pelancong dari Republik Singapura dan Malaysia.

Menurut mereka sebagai sebuah negara yang mereka anggap paling aman di rantau ini dan baru pula menerokai bidang ini setentunya mendapat pilihan utama untuk dikunjungi.

"Saya berpendapat, dengan keadaan aman damai serta penduduknya yang ramah tamah dan persekitaran pula bersih, pasti akan ramai lagi pelawat datang berkunjung," jelas Eleen Soh, pelancong dari Republik Singapura.



"NEGARA ini aman damai dan para penduduknya sangat ramah-tamah dan bersopan santun ..." Pelancong dari Republik Filipina, Leo Garcia bersama isteri, Annabella Garcia dan anak-anak.

"LANGKAH mempelbagaikan ekonomi melalui sektor pelancongan ini adalah tepat dan sejajar dengan kemudahan yang terdapat di negara ini..." Pelancong dari India, Vijay Jayachandran.

# Ratusan pelancong dialu-alukan

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Januari. - Sempena bermulanya promosi Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001, ratusan orang pelancong tiba ke negara ini dengan pesawat Syarikat Penerbangan Singapura (SIA), Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Kassim bin Haji Latip; Pengarah Bahagian Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammad dan Timbalan Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Abdul Kadir bin Tengah.

Setiap pelancong yang tiba menerima cenderahati TMB 2001 serta persembahan-persembahan kebudayaan daripada Bahagian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Objektif utama TMB 2001 ini antaranya bagi memperkenalkan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan di rantau ini dengan mengutamakan elemen-elemen alam semula jadi, kebudayaan dan tempat-tempat menarik.

Selain daripada itu, TMB 2001 ini juga dihasratkan untuk mewujudkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman orang ramai serta pihak swasta betapa pentingnya industri pelancongan sebagai salah satu usaha kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Dengan memperkenalkan sektor pelancongan setentunya akan menghasilkan pertukaran mata wang asing yang menyumbang kepada Keluaran Kasar Dalam Negeri (GDP) selain membuka peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini melalui syarikat pengusaha pelancongan tempatan.

Selain daripada itu sektor ini juga akan memberikan pekerjaan baru termasuk peluang perniagaan dan perusahaan lain dalam bentuk industri kecil dan sederhana di samping industri kampung (cottage industry).



SELAMAT DATANG ... Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Kassim bin Haji Latip; Pengarah Bahagian Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammad mengalu-alukan ketibaan pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 1 Januari lepas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

## Sempena Tahun Melawat Brunei 2001

Dari muka 1

Dia yang menganggap Negara Brunei Darussalam sudah tidak asing lagi baginya menjelaskan, terdapat banyak tempat yang menarik dan bersejarah untuk dilawati seperti Kampong Ayer, Taman Permainan Jerudong, Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan Taman Negara Ulu Temburong amat menarik untuk dikunjungi.

"Memandangkan Negara Brunei Darussalam dan Singapura agak dekat jadi saya sering datang untuk bersiar-siar dan beriadah menghilangkan suasana kesibukan yang dialami di Singapura yang padat dengan hutan batu," ujarnya.

Sementara itu pelancong dari Malaysia, Afdlin Shauki yakin kehidupan harmoni yang dinikmati oleh rakyat di negara ini dapat melahirkan semangat silaturahmi antara pelawat luar negeri dan penduduk setempat.

"Jika ini dapat dipupuk antara penduduk setempat dengan para pelawat, sudah pasti akan dapat memberikan kenangan positif yang sekali gus mendorong lebih ramai lagi pelancong luar datang berkunjung," katanya.

Secara tidak langsung menurutnya, Negara Brunei Darussalam akan lebih dikenali bukan saja kerana sistem pemerintahan beraja yang unik, malahan juga pembangunan yang pesat serta keindahan alam semula jadinya.



"KEHIDUPAN harmoni yang dinikmati oleh rakyat di negara ini dapat melahirkan hubungan silaturahmi antara penduduk setempat dan para pelawat luar negeri ..." Pelancong Malaysia, Afdlin Shauki.



SEBAHAGIAN daripada para pelancong asing yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 1 Januari lepas.



"MEMANDANGKAN Singapura dan Negara Brunei Darussalam dekat, jadi saya sering datang untuk bercuti dan beriadah menghilangkan suasana kesibukan ..." Pelancong Republik Singapura, Puan Eileen Soh.



## Rebut peluang ganjaran bulan Syawal

# DENGAN MENGERJAKAN PUASA ENAM

gi nilainya diberikan Allah Subhanahu Wataala pada puasa ini dapat difahamkan kerana kebanyakan manusia tidak dapat melakukannya. Ini adalah berkait rapat dengan keadaan keliling yang lebih mencabar keimanan seseorang yang menunaikan puas di waktu kemeriahan Hari Raya terhidang jamuan makanan yang enak-enak dan lazat ketika itu dan kerana pada masa itu sebahagian umat Islam tidak berpuasa dan ingin terus menikmati kuih-muih yang ada. Hanya sebahagian kecil sahaja yang masih melakukan ibadat puasa. Dengan ini seseorang yang berpuasa enam akan menghadapi persaingan hebat dengan suasana dan keadaan di masa itu yang benar-benar mencabar akan keimanannya dalam menahan hawa nafsu.

Oleh yang demikian sudah sewajarnya mendapat pahala yang besar dan tinggi di sisi Allah Subhanahu Wataala bagi mereka yang berjaya menahut cabaran ini. Dari itu marilah kita sama-sama mengejar ganjaran pahala yang amat besar itu, kerana peluang ini hanya terdapat di bulan Syawal.

Berpuasa selama enam hari di bulan Syawal adalah sebagai petanda betapa seseorang itu telah meningkat iman dan takwanya kepada Allah Subhanahu Wataala hingga sanggup berlapar dan dahaga semata-mata kerana taat kepada agama, pada hal orang lain menikmati aneka makanan dan juadah serta minuman yang lazat.

Melakukan puasa sunat enam hari di bulan Syawal ini sebaiknya dimulakan pada Hari Raya kedua dan berturut-turut, tetapi jika tidak dapat berbuat demikian, boleh juga dilakukan bila-bila masa asalkan masih dalam bulan Syawal dan boleh dengan tidak berturut-turut asalkan berjumlah enam hari.

Di antara kelebihan-kelebihan puasa enam hari di bulan Syawal itu ialah :

1. Puasa enam umpama sunat rawatib sesudah salat fardu bagi menampung kekurangan puasa fardu.
2. Mengulangi puasa sesudah Ramadan menjadi tanda diterima puasa Ramadan yang kita kerjakan.

**BERPUASA selama enam hari  
di bulan Syawal adalah  
sebagai petanda betapa  
seseorang itu telah meningkat  
iman dan takwanya kepada Allah  
Subhanahu Wataala hingga  
sanggup berlapar dan dahaga  
kerana taat kepada agama,  
pada hal orang lain menikmati  
aneka makanan dan juadah serta  
minuman yang lazat.**

3. Sebagai tanda bersyukur kepada nikmat yang diberikan di bulan Ramadan seperti nikmat kesihatan tubuh badan yang baik, ganjaran pahala yang berlipat ganda, Malam Lailatulqadar, ganjaran bersahur, berbuka puasa dan banyak lagi.

5. Memudahkan Malaikat Al-Maut mencabut nyawa.

Oleh yang demikian marilah kita merebut peluang yang ada dan mengerjakan puasa enam demi mendapatkan fadilat-fadilat yang ditetapkan Allah padanya serta inginkan keredaan-Nya jua.

Firman Allah dalam Surah Al-An'aam ayat 16 yang tafsirnya :

*"Barang siapa membawa amal yang baik maka baginya pahala sepuluh kali lipat amalnya dan barangsiapa yang membawa perbuatan yang jahat maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya, sedang mereka sedikit pun tidak dianiaya (dirugikan)."*

**M**ARILAH kita tanamkan sifat takwa kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa, dengan cara dan jalan ini kita akan selamat dan berbahagia di dunia mahupun di akhirat iaitu dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya.

Sesudah mengharungi pelbagai dugaan pada bulan Ramadan dan berjaya menjalankan ibadat puasa, umat Islam sekali lagi diberikan peluang merebut ganjaran pada bulan kemenangan, iaitu di bulan Syawal ini dengan satu lagi peluang yang tidak harus dilepaskan begitu sahaja untuk menambahkan pahala dan keberkatan di dunia iaitu dengan berpuasa enam.

Di dalam bulan Syawal ini mengandung beberapa keistimewaan yang dituntut oleh Islam supaya melakukannya. Terutama sekali puasa enam iaitu berpuasa enam hari di bulan Syawal. Berhubung hal ini hadis ada menerangkan yang bermaksud dari Abu Ayub An-Ansari Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

*"Barang siapa berpuasa bulan Ramadan, kemudian ia berpuasa pula enam hari pada bulan Syawal adalah seperti berpuasa sepanjang masa."*

Satu keistimewaan yang difahami dari sabda Sallallahu Alaihi Wasallam itu ialah satu kebajikan dan peluang yang paling berharga disediakan kepada orang-orang yang mengejar nikmat dan kemurahan Allah Subhanahu Wataala sepanjang hidup terdapat pula di bulan Syawal iaitu puasa enam hari di dalamnya.

Ganjaran pahala diberikan oleh Allah Taala kepada mereka yang berpuasa enam di bulan Syawal ini ialah seperti ganjaran pahala kepada yang berpuasa sepanjang masa. Ganjaran yang begitu ting-

**SATU** keistimewaan yang difahami dari sabda Sallallahu Alaihi Wasallam itu ialah satu kebajikan dan peluang yang paling berharga disediakan kepada orang-orang yang mengejar nikmat dan kemurahan Allah Subhanahu Wataala sepanjang hidup terdapat pula di bulan Syawal iaitu puasa enam hari di dalamnya.

وقت سمبہیغ، امہال، شوروق دان ضحیٰ.

وقت ۲ سميٽي، امسال، شوروي ذات ضحي باڳي ڏاڍو ٻروئي ذات مورا مولائي ڌاري هاري رايو،  
14 شوال 1421 برسمات 10 جنوري 2001 هيٺ ڪهاري ٿاڻ، 20 شوال 1421 برسمات 16 جنوري 2001 اڌالو سفر ڏهاڙو اڻ :-

| هجره | ظهر   | عصر  | مغرب | عشا  | امساك | صبح  | شوروق | ضحى  | مسيحي |
|------|-------|------|------|------|-------|------|-------|------|-------|
| شوال |       |      |      |      |       |      |       |      | جوازي |
| 14   | 12.29 | 3.51 | 6.24 | 7.38 | 4.59  | 5.09 | 6.31  | 6.56 | 10    |
| 15   | 12.30 | 3.51 | 6.24 | 7.38 | 5.00  | 5.10 | 6.32  | 6.57 | 11    |
| 16   | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 | 5.00  | 5.10 | 6.32  | 6.57 | 12    |
| 17   | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 | 5.01  | 5.11 | 6.32  | 6.57 | 13    |
| 18   | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.39 | 5.01  | 5.11 | 6.33  | 6.58 | 14    |
| 19   | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 | 5.02  | 5.12 | 6.33  | 6.58 | 15    |
| 20   | 12.31 | 3.53 | 6.27 | 7.40 | 5.02  | 5.12 | 6.33  | 6.58 | 16    |

وقت ۲ سمبلیغ باکی دایره توتوغ دتمبه ساتو مینیت دات دایره بلایت دتمبه تیگ مینیت، سمبلیغ فرض جمعة دسلوروه نگار برونې دار السلام دمولای دری فوکل 12.45 تفهاری.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

**P**ENGERTIAN saf dari segi bahasa adalah barisan yang lurus daripada setiap sesuatu, seperti saf dalam sembahyang jemaah, peperangan dan sebagainya. Manakala pengertian dari segi istilah pula tidak lari maknanya dengan pengertian dari segi bahasa. Apa yang ingin dijelaskan di sini penjelasan mengenai masalah-masalah saf dalam sembahyang berjemaah.

#### SAF DALAM SEMBAHYANG JEMAAH

Jumhur ulama berpendapat bahawa disunatkan bagi makmum meluruskan saf-saf mereka ketika bersembahyang jemaah supaya janganlah ada sebahagian jemaah terkehadapan atau terkebelakang daripada jemaah yang lainnya sehingga menyebabkan tidak sama dan tidak lurus saf mereka. Ketika makmum berdiri, mereka hendaklah meluruskan saf dalam keadaan berdekatan bahu dengan bahu, kaki dengan kaki dan tumit dengan tumit makmum yang lainnya sehingga tidak ada ruang yang kosong dan renggang. Maka dalam hal ini, imam adalah disunatkan menyuruh makmumnya meluruskan saf-saf mereka sebagaimana yang sering kita dengar sebelum imam mendirikan sembahyang, kerana meluruskan saf itu termasuk dalam kesempurnaan dan keelokan sembahyang. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:



**IRSYAD HUKUM**  
DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti  
E-mail : mufti@brunet.bn  
Fatwa@brunet.bn

"Luruskanlah saf-saf kamu, kerana sesungguhnya meluruskan saf itu termasuk kesempurnaan sembahyang." (Hadis riwayat Muslim)

Sabda Baginda lagi yang maksudnya:

"Luruskanlah saf di dalam sembahyang, kerana meluruskan saf itu termasuk keelokan sembahyang." (Hadis riwayat Muslim).

Mengikut pendapat sebahagian ulama seperti Ibnu Hajar dan sebahagian ulama hadis bahawa meluruskan saf

## PERMASALAHAN DALAM SAF-SAF SEMBAHYANG

#### Bilangan 112 Bahagian Pertama

meluruskan saf-saf kamu atau Allah akan menggantikan di antara wajah-wajah kamu". (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam kitab Syarah Shahih Muslim ada menyatakan pendapat-pendapat atau qaul mengenai maksud hadis di atas. Di antaranya pendapat yang mengatakan bahawa maksud "Allah akan menggantikan di antara wajah-wajah kamu" ialah mengubah atau menukarkan shurah atau bentuk rupanya, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Allah menjadikan bentuk rupanya dengan bentuk keladai." (Hadis riwayat Bukhari).

Pendapat yang azhar bagi maksud hadis di atas itu, ialah terjadi di antara mereka (orang yang tidak meluruskan saf) permusuhan, kebencian dan perselisihan lubuk hati. (Syarah Shahih Muslim 3/131).

Walaupun bagaimanapun menurut Ibnu Hajar tidak melu-

ruskan saf dalam sembahyang jemaah itu tidaklah membatalkan sembahyang. (Al-Mausu'ah Al-Feqhiyah 27/35-36).

#### KEUTAMAAN MEMENUHI SAF PERTAMA

Telah sepatutnya para fuqaha adalah sunat bagi para jemaah untuk memenuhi saf yang pertama terlebih dahulu sehingga tidak ada ruang yang kosong atau renggang. Kemudian baharulah diikuti dengan saf yang kedua dan seterusnya, berdasarkan hadis-hadis yang shahih menyentuh perkara ini. Di antaranya, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sempurnakanlah oleh kamu saf yang depan (saf yang pertama), kemudian saf-saf berikutnya, maka saf yang kurang itu (disebabkan sedikit makmum) hendaklah (saf yang kurang itu berada) di saf bahagian belakang." (Hadis riwayat Abu Daud dan Nasa'i).

Oleh yang demikian tidak digalakkan ke atas jemaah untuk mendirikan saf yang kedua atau berikutnya melainkan selepas sempurnanya

saf yang pertama atau berikutnya. Dalam erti kata lain, jangan dibiarkan saf yang di hadapan makmum itu kosong atau renggang, bahkan disunatkan ke atas mereka mengisinya.

Adalah disunatkan juga ke atas makmum yang berada di hadapan memberi ruangan kepada makmum yang hendak masuk ke saf tersebut selagi ada ruang baginya, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Luruskanlah oleh kamu saf-saf dan sejarakanlah di antara bahu-bahu kamu, tutupi celah-celah dan berlaku lembutlah ketika memegang tangan saudaramu (waktu merapatkan saf), dan janganlah kamu biarkan celah-celah (yang kosong) itu untuk syaitan. Barangsiapa menghubungkan saf, maka Allah menghubungkannya (dengan rahmat-Nya) dan barangsiapa memutuskan saf, maka Allah memutuskannya (daripada rahmat dan pertolongan-Nya)". (Hadis riwayat Abu Daud).

**Bersambung**

## Keutamaan berpuasa enam hari di bulan Syawal

**B**ERPUASA enam hari di bulan Syawal biasa juga dinamakan dengan puasa enam iaitu berpuasa enam hari sesudah Hari Raya. Puasa ini hukumnya sunat.

Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis riwayat Muslim yang bermaksud:

"Barang siapa berpuasa di bulan Ramadan kemudian diikuti lagi dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal, maka dia seperti berpuasa satu tahun penuh."

Daripada hadis tersebut, kita dapat mengambil kesimpulan bahawa satu amal kebajikan itu digandakan dengan sepuluh amal seumpamanya, maka jadilah puasa sebulan Ramadan itu seperti puasa sepuluh bulan dan puasa enam hari di bulan Syawal itu seperti puasa dua bulan. Apabila dijumlahkan kesemuanya genaplah puasa itu setahun penuh. Itulah keuntungan besar yang diperolehi oleh sesiapa yang berpuasa penuh pada bulan Ramadan dan kemudian meneruskannya dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal.

Berpuasa sunat enam hari di bulan Syawal tidaklah semestinya berturut-turut, tetapi adalah lebih baik jika dikerjakan berturut-turut itu lebih mendekatkan terangnya hati daripada berselang-seli.

Dalam sebuah hadis yang lain, dari Tsuban Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang berpuasa enam hari selepas berbuka (Hari Raya), maka adalah ia seperti berpuasa sebulan penuh. Dan jika dia melakukan satu kebaikan pada hari itu, maka dicatatkan baginya pahala sepuluh kebaikan sepertinya." (Hadis riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Daripada hadis tersebut, kita dapat mengambil beberapa faedah yang tidak ternilai harganya, kerana jika kita dapat menyempur-

nakan puasa enam, maka dengan sendirinya kita memperoleh pahala kebaikan berlipat ganda.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kira-kira bermaksud:

"Barang siapa berpuasa pada bulan Ramadan kemudian mengikut sertakannya enam hari di bulan Syawal, maka dia terlepas dari dosa-dosanya sebagaimana dia dilahirkan oleh ibunya." (Hadis riwayat At-Thabarani).

Sebahagian ulama berkata: "Barang siapa berpuasa enam hari sesudah Hari Raya, maka dia dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wataala dengan sepuluh perkara, iaitu:

1. Dikurniakan keberkatan dalam umurnya.
2. Hartanya bertambah.
3. Keluarganya terjaga dan terpelihara.
4. Terhapus semua kejahatannya.
5. Dilipatgandakan kebajikanannya.
6. Diberikan kemudahan pada sakaratul maut, iaitu ketika menghembuskan nafas yang terakhir.
7. Terang kuburnya.
8. Berat timbangan kebajikanannya di hari hisab (Hari Kiamat).
9. Selamat daripada semua tindakan yang keji.
10. Dinaikkan darjatnya"

Di antara faedah mengerjakan puasa enam ialah:

1. Puasa enam di bulan Syawal memberikan pahala puasa



**Menuju Keredaan Allah**  
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

sepanjang masa.

2. Puasa enam adalah sama seperti sunat Rawatib sesudah sembahyang fardu untuk menyempurnakan kekurangan yang terjadi pada puasa fardu, kerana fardu itu dapat ditambah kekurangannya dengan sunat di Hari Kiamat.

3. Mengulangi berpuasa sesudah puasa Ramadan menjadi tanda bahawa puasa Ramadan kita diterima Allah, kerana apabila Allah menerima amal hamba-Nya, maka Dia akan memberi taufik dan hidayah kepada hamba tersebut untuk mengerjakan lagi sesuatu amal salih.

4. Berpuasa enam adalah satu tanda bahawa kita bersyukur nikmat Allah yang diberikan-Nya kepada kita pada bulan Ramadan.

5. Amal yang dilaksanakan untuk mendekatkan diri kepada Allah di bulan Ramadan tiada terhenti dengan selesainya Ramadan, bahkan menjadi kekal kerana kita mengiringkan puasa Ramadan dengan berpuasa enam hari lagi sesudahnya.

## Sastera dan Budaya

## سستردان بودايا

# GUGUSAN PANTUN MENANGANI TAHUN MELAWAT BRUNEI 2001

BRUNEI Darussalam namanya negara,  
Terletak antara Sarawak dan Sabah,  
Awal bersalam pembuka bicara,  
Pada saudara pantun dimadah.

Negara kecil bukan ukuran,  
Gahnya sudah serata dunia,  
Rasa terpanggil menyusun tuturan,  
Kini didedah di ruang media.

Jauh dituju seronok beramai,  
Tubuh berlima sambil gembira,  
Dua ribu satu Tahun Melawat Brunei,  
Tumpuan utamanya mendedahkan negara.

Anyam ketupat bersudut munjung,  
Masak dibuka kerat kulitnya,  
Banyak tempat tarikan pelancongan,  
Kenalkan mereka tentang ceritanya.

Simpur bini kuning bunganya,  
Tumbuh permai meskipun di batu,  
Megahlah katani hasrat negara,  
Tahun Melawat Brunei 2001.

Zahir dan batin hasrat diterima,  
Di Hari Raya ucapan pengunjung,  
Masjid Omar 'Ali Saifuddin masjid utama,  
Terindah di Asia Tenggara beritahu pelancong.

Pekan Seria menghasilkan minyak,  
Minyak dan gas sumber negara,  
Tampakkan ceria sering di khalayak,  
Pelancong puas tiada terkira.

Terbang kekatu terlalu rendah,  
Terbang burung tiada setara,  
Muzium di Kota Batu tersergam indah,  
Kenalkanlah pelancong membangun negara.

Kampung Ayer rumahnya rapat,  
Jambatan panjang jadi penghubung,  
Pelancong hadir langkah tak cepat,  
Hairan tercengang tiada penghujung.

Jame' 'Asr indah tersergam,  
Membiru warna setiap waktu,  
Pelancong ke mari sering tergamam,  
Hati tertanya adalah sesuatu.

OLEH HAJI MARIAT BIN HAJI ABDULLAH

Nurul Iman istana indah,  
Nurul Izzah apa kurangnya,  
Pelancong aman tersisih masalah,  
Meskipun meredah seluruh pesisirnya.

Belalong terkenal di Daerah Temburong,  
Hutan tropika tumbuhnya asli,  
Makanan halal semua ditanggung,  
Pelancong pun suka kerana dipeduli.

Sungai Brunei panjang berliku,  
Menyisir tambing ke Pekan Bangara,  
Pelancong ramai bukannya tentu,  
Mari dibimbing berbekal pintar.

Cantik landskap begitua rupa,  
Tarikan pelancong puji diharap,  
Ada prinsip menyatu negara,  
Pelancong tak bingung kunjungan tetap.

Hassanal Bolkiah sultan penyayang,  
Ketaatan rakyat tetap bersetia;  
Pelancong payah seupaya ditatang,  
Itu membuat mereka tak jara.

Rancangan Perpindahan setiap daerah,  
Untuk rakyat ihsan baginda;  
Banyak kemudahan disiapkan sudah,  
Pelancong terlihat di mana berada.

Indah pantai tiada bersampah,  
Pengunjung prihatin demi negara;  
Pelancong bersantai tersusun madah,  
Niat mastautin dicari cara.

Tiup umpung berpanjang nafas,  
Lagu menawan tapugai hati,  
Kunjung ke kampung bawa malintas,  
Pelancong dikawan tiadalah rugi.

Jong Batu lagenda nasihat,  
Tamoi Ujung hampir buktinya;  
Pelancong dibantu senyum melekak,  
Jangan tasurung nuhulah hatinya.

Makam Bolkiah di Kota Batu,  
Semadi Bolkiah sultan kelima,  
Hati gundah jangan miatu,  
Pelancong marah inda tia bajalama.

Kota Batu kota sejarah,  
Banyak tersimpan khazanah negara,  
Pelancong dibantu urusannya mudah,  
Hati tertawan kan kembali segera.

Bandar Seri Begawan namanya baru,  
Asal tukaran Bandar Brunei,  
Pelancong tertawan timbul cemburu,  
Tadbiran sultan penambah permai.

Ekonomi dimantap pelancong dipelawa,  
Melawat negara semuanya dikitar,  
Bibir takatap pujian dibawa,  
Pasti ketara sedunia terkhabar.

Khazanah alam indah sekitar,  
Di Brunei kita apa kurangnya,  
Pelancong bersalam katani berikrar,  
Negara dicinta pengangkat upaya.

Negara kita termasyhur kaya,  
Pelancong nampak minat menuju,  
Adat budaya penanai cara,  
Segala puak inisiatifnya perlu.

Semangat disemai bercampur titih,  
Lama bersemi rumit dikira,  
Pelancong ramai hasrat terpilih,  
Pelbagailah ekonomi majukan negara.

Bangunan indah di sana sini,  
Rakyat terpelajar bermisi maju,  
Pelancongan berfaedah meninggi ekonomi,  
Negara tersebar itulah dimahu.

Kuala Lurah si Sungai Tujuh,  
Keluar masuk pelancong dipersilakan,  
Jauhi amarah bersombong angkuh,  
Rupa berelok murung ketepikan.

Manyuak labat hasilnya minyak,  
Seria pekan sumber ke sekian,  
Pada sahabat rakanku dangsanak,  
Mari alu-alukan hasrat pelancongan.

Indahkan negara bersih menarik,  
Hasrat pelancongan Tahun Melawat Brunei,  
2001 tentunya tumpuan,  
Duhai saudara-saudara usah diarik,  
Katani merenung bumi nan permai,  
Bersatu padu berdampingkan kemajuan.

# GERAKAN KERJASAMA PENTINGKAN KEPERLUAN SOSIAL, EKONOMI

MEMUCANG-MUCANG, merupakan perkataan Brunei yang membawa pengertian bekerja bersama-sama secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa imbalan atau bayaran. Perkataan ini hidup subur dan akan tetap bersemadi di sanubari lapisan rakyat Brunei yang benar-benar mengaku diri mereka sebagai jati diri orang Brunei. Inilah warisan yang ditinggalkan dan inilah juga satu-satunya pusaka yang kita warisi sejak zaman-berzaman dan sudah sepatutnya kita jaga supaya ianya tetap kekal hingga ke anak cucu kita akan datang.

Di zaman lampau budaya kerja memucang-mucang dihasratkan pada membantu keluarga, kawan dan jiran untuk menyenangkan dan memudahkan kerja-kerja yang sukar dan susah jika dikerjakan berseorangan. Dengan budaya kerja memucang-mucang segala yang berat akan menjadi ringan dan yang susah akan menjadi senang. Pendeknya budaya memucang-mucang adalah merupakan satu cara untuk mengatasi setiap masalah khususnya dalam pembinaan rumah dan lain-lain kerja yang bersesuaian dalam melibatkan kerabat kerja yang ramai, mahir dan berpengalaman.

Gerakan kerjasama sekalipun membawa maksud dan pengertian yang berlainan dari asas budaya memucang-mucang namun pada prinsipnya gerakan kerjasama itu hidup, bernafas, satu fungsi dan satu saluran yang sama dengan budaya memucang-mucang. Memucang-mucang dihasratkan pada menyudahkan kerja-kerja yang melibatkan ramai kerabat kerja, manakala gerakan kerjasama pula dihasratkan untuk mencapai matlamat perkembangan dan pertumbuhan ekonomi melalui perpaduan dan sokongan ramai.

Mengikut tafsiran bijak pandai dalam bidang gerakan kerjasama atau koperasi, syarikat kerjasama adalah satu pertubuhan sukarela di mana ahli-ahlinya bersatu padu untuk peningkatan ekonomi, budaya dan sosial.

Pertubuhan sukarela membawa makna kumpulan orang secara sukarela bukan atas dasar paksaan. Ahli-ahlinya pula bersatu padu untuk memperbaiki serta meningkatkan lagi ekonomi mereka dengan cara berniaga. Hasil lebihan perniagaan ini selain untuk faedah peningkatan ekonomi adalah juga dihasratkan untuk memperbaiki keadaan sosial ahli-ahlinya.

Secara ringkas syarikat kerjasama bermakna satu pertubuhan sukarela yang menjalankan usaha perniagaan untuk faedah perkembangan dan peningkatan ekonomi dan sosial ahli-ahlinya baik di dalam kampung, mukim, pejabat ataupun sekolah.

Keadaan kemiskinan dan juga penindasan kaum majikan kepada pekerja-pekerjanya semasa revolusi perindustrian (industrial revolution) di England telah mendesak pekerja-pekerja lombong

OLEH PG. HAJI ABU BAKAR PHM

yang menderita untuk menubuhkan syarikat kerjasama. Banyak usaha telah dilaksanakan untuk menubuhkan syarikat kerjasama tetapi telah gagal disebabkan mereka tidak pakar dan tidak tahu berniaga. Akhirnya satu kumpulan yang dipanggil dengan 'Rochdale Pioneers' atau Perintis Rochdale telah menubuhkan syarikat kerjasama mereka sendiri. Syarikat ini banyak mengkaji akan kesalahan dan kesilapan syarikat-syarikat yang terdahulu. Oleh itu mereka telah mencipta beberapa prinsip untuk panduan mereka di dalam menguruskan dan mentadbirkan syarikat mereka. Penggunaan prinsip ini didapati berfaedah dan dapat mengembang dan memajukan syarikat kerjasama 'Rochdale Pioneers' ini.

Dari sini jelas kepada kita bahawa dua fakta ini penting berperanan di dalam penubuhan syarikat kerjasama iaitu kemiskinan dan penindasan golongan-golongan yang tertentu.

Kita sedia maklum, sejak sebelum merdeka lagi ekonomi negara kita begitu kukuh melalui industri minyak dan gas. Belum ada sektor perekonomian yang lain yang boleh menyamai apatah lagi menandinginya. Di negara-negara lain gerakan kerjasama memainkan peranan yang penting di dalam menyumbangkan pertumbuhan ekonomi negara berkenaan. Tetapi di negara kita tidaklah demikian halnya.

Jadi berdasarkan kepada keadaan gerakan kerjasama di Negara Brunei Darussalam dapatlah kita ambil kesimpulan bahawa penyebaran gerakan kerjasama di negara ini lebih mementingkan kepada keperluan 'sosial' dari keperluan 'ekonomi'. Walau apa pun menjadi keperluannya namun matlamatnya adalah sama iaitu untuk memupuk dan memelihara semangat bersatu padu di kalangan rakyat dan penduduknya.

Selalunya apabila kita menyebut perkataan pembangunan negara, kita akan bercakap soal-soal yang nyata di dalam pembangunan 'infra-structure' seperti pembuatan jalan raya, pembinaan sekolah, perkhidmatan bekalan elektrik, perkhidmatan bekalan air, perkhidmatan perhubungan telekom dan sebagainya. Pembangunan negara sebenarnya meliputi pelbagai bidang tidak hanya terhad pada bidang dan jurusan-jurusan tertentu. Gerakan kerjasama sendiri mempunyai peranan yang tertentu di dalam pembangunan negara.

Di dalam gerakan kerjasama terdapat dua jenis keuntungan iaitu keuntungan ekonomi dan sosial. Keuntungan ekonomi ialah hasil lebihan perniagaan yang dibahagi-bagikan kepada ahli-ahli manakala keuntungan sosial ialah kewujudan sikap dan pembawaan bersatu padu di kalangan ahli-ahlinya.

Kerajaan kita di dalam melaksanakan rancangan pembangunan negara sememangnya tidak pernah mengabaikan masalah peningkatan ekonomi dan perpaduan rakyat. Satu-satunya pembangunan tidak akan bererti jika ekonomi tidak dapat dimajukan dan dipertingkatkan. Demikian juga perpaduan rakyat adalah perlu untuk menyokong setiap rancangan kerajaan. Dari sini memang benar bahawa gerakan kerjasama itu sendiri mempunyai peranan penting di dalam pembangunan negara kerana gerakan kerjasama adalah merupakan sebuah 'institusi' yang secara tidak langsung dalam melahirkan warga yang memahami kepentingan ekonomi dan juga bersatu padu di dalam mendukung dan menyokong setiap usaha atau rancangan kerajaan yang berkebakikan.

Kita telah mengetahui bahawa syarikat kerjasama, baik hubungannya dengan budaya kita 'memucang-mucang' atau dengan fakta sejarah kelahirannya di Eropah. Demikian kita juga dibawa menyoroti apa juga keperluannya di tengah-tengah masyarakat kita yang dimandikan dengan kemewahan dan kesenangan ini. Selanjutnya kita dapat memahami sejauh mana peranan syarikat itu sendiri di dalam pembangunan negara.

**KERAJAAN kita di dalam melaksanakan rancangan pembangunan negara sememangnya tidak pernah mengabaikan masalah peningkatan ekonomi dan perpaduan rakyat. Satu-satunya pembangunan tidak akan bererti jika ekonomi tidak dapat dimajukan dan dipertingkatkan. Demikian juga perpaduan rakyat adalah perlu untuk menyokong setiap rancangan kerajaan. Dari sini memang benar bahawa gerakan kerjasama itu sendiri mempunyai peranan penting di dalam pembangunan negara kerana gerakan kerjasama adalah merupakan sebuah 'institusi' yang secara tidak langsung dalam melahirkan warga yang memahami kepentingan ekonomi dan juga bersatu padu di dalam mendukung dan menyokong setiap usaha atau rancangan kerajaan yang berkebakikan.**

Di negara kita sesungguhnya syarikat kerjasama telah lama wujud namun era barunya baru saja bermula iaitu sejak 25 tahun yang lalu ketika penubuhan Jabatan Kemajuan Kerjasama dan kelulusan Undang-Undang Syarikat Kerjasama dalam tahun 1975. Tempoh dan masa bukanlah menjadi soal untuk gerakan kerjasama itu mendapat tempat dan perhatian di tengah-tengah masyarakat. Apa yang penting faedah atau kegunaannya kepada masyarakat dan negara memang ketara dan tidak dapat dipertikaikan. Untuk itu terserahlah kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menilai sejauh mana kebaikan dan keberkesanan gerakan kerjasama itu dalam membantu ahli-ahlinya meningkatkan ekonomi dan memupuk perpaduan semasa mereka.

## TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bersama Menjayakan Tahun Melawat Brunei 2001'. Tarikh tutup 13 Januari, 2001.
2. 'Peranan Sekolah Swasta Dalam Mendidik Anak Bangsa'. Tarikh tutup 20 Januari, 2001.
3. 'Menjaga Kebersihan Alam Sekitar'. Tarikh tutup 27 Januari, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,  
Pendapat Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**PERTUBUHAN sukarela membawa makna kumpulan orang secara sukarela bukan atas dasar paksaan. Ahli-ahlinya pula bersatu padu untuk memperbaiki serta meningkatkan lagi ekonomi mereka dengan cara berniaga. Hasil lebihan perniagaan ini selain dari untuk faedah peningkatan ekonomi adalah juga dihasratkan untuk memperbaiki keadaan sosial ahli-ahlinya.**

# Batalion Pertama, Kedua, Ketiga mempunyai pemerintah baru

BERAKAS, 5 Januari. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya Angkatan Tentera Diraja Brunei kini mempunyai pegawai-pegawai pemerintah Batalion Pertama (1st BN), Kedua (2nd BN) dan Ketiga (3rd BN) yang baru, manakala yang lama ditukar bagi memegang jawatan baru.

Di padang kawad Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB) berlangsungnya Majlis Serah Terima Tugas Bagi Pegawai-pegawai Batalion Pertama, Kedua dan Ketiga yang diadakan dengan satu perbarisan tentera yang melibatkan seramai 326 anggota daripada ATDDDB yang juga dihadiri oleh pegawai-pegawai pelbagai pangkat.

Majlis turut disaksikan oleh Pemerintah ATDDDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Brigedier Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz selaku tetamu kehormat.

Bagi Batalion Pertama, Pegawai Pemerintah barunya ialah Leftenan Kolonel Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu bagi menggantikan Leftenan Kolonel Awang Mohd. Ali bin Haji Yahya yang kini ditukar menjadi Pengarah Jabatan Latihan, Kementerian Pertahanan.

Sementara itu Pegawai Pemerintah Batalion Kedua

**Oleh Abdullah Asgar  
Gambar-gambar oleh  
Ramli Tengah**

yang baru ialah Leftenan Kolonel Awang Abu Bakar bin Haji Hassan yang mengambil alih tugas daripada Leftenan Kolonel Awang Haji Nasir bin Haji Momin yang ditukar menjadi Pengarah Keanggotaan dan Pentadbiran juga di Kementerian Pertahanan.

Manakala itu Pegawai Pemerintah Batalion Ketiga yang baru ialah Leftenan Kolonel Awang Haji Harith bin

Haji Abdul Karim bagi menggantikan tugas yang dipegang oleh Leftenan Kolonel Awang Haji Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir yang ditukarkan menjadi Pegawai Pemerintah Pusat Latihan ABDB di Penanjong Garison.

Kesemua pertukaran bermula Januari ini. Majlis juga diserikan dengan persembahan pancaragam daripada ATDDDB yang kemudiannya diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Imam Surau Berakas Kem, Awang Haji Ahmad.



PEGAWAI Pemerintah Batalion Pertama yang baru, Leftenan Kolonel Pengiran Haji Rosli (duduk menyaksikan sebelah kanan), bagi menggantikan Leftenan Kolonel Awang Mohd. Ali.



PEGAWAI Pemerintah Batalion Kedua yang baru, Leftenan Kolonel Awang Abu Bakar (menandatangani kanan), mengambil alih tugas Leftenan Kolonel Awang Haji Nasir.



PEGAWAI Pemerintah Batalion Ketiga yang baru, Leftenan Kolonel Awang Haji Harith (menyaksikan kanan), menggantikan Leftenan Kolonel Awang Haji Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.

**PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,  
Setiap hari Rabu diterbitkan,  
Rajin membaca bertambah pengetahuan,  
Silalah Alai pilih jawapan.**

- Rancangan Senandung Muhibbah antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia telah dilangsungkan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei. Bilakah tarikh berlangsungnya rancangan Senandung Muhibbah berkenaan?
  - 14 November, 1999
  - 15 November, 1999
  - 16 November, 1999
- Bilakah tajuk Cerpen 'Hidup Mengiringi Fajar' diterbitkan di Akhbar Rasmi Kerajaan iaitu PELITA BRUNEI?
  - 24 November, 1999
  - 1 Disember, 1999
  - 8 Disember, 1999
- Apakah Tajuk 'Menuju Keredaan Allah' keluaran PELITA BRUNEI pada 1 Disember, 1999?
 

.....

.....

.....

## PAT-PAT GULAMBIR

### SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

### TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Pat-pat Gulambir keluaran 20 Disember, 2000.  
1. C 2. A. 3. SEMBAHYANG TIANG AGAMA

### PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 20 DISEMBER, 2000

MD. NAZIRUL HAZWAN BIN JUNEID  
NO.210 KAMPONG PINTU MALIM,  
JALAN KOTA BATU BD 1317,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
UMUR : 8 TAHUN  
SEKOLAH RENDAH MABOHAI

HAJAH NORADIANA BINTI HAJI MD  
YUSSOF  
NO.208, KAMPONG PINTU MALIM  
JALAN KOTA BATU BD 1317,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
UMUR : 11 TAHUN  
SEKOLAH RENDAH MABOHAI

ZULFADLI BIN HAJI ISMAIL  
NO.35, SIMPANG 189,  
PERUMAHAN LAMBAK KANAN,  
BERAKAS BC 2715,  
UMUR : 11 TAHUN  
SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI

### BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 457

Nama : .....

Umur : .....

Alamat : .....

Telefon rumah (jika ada) : .....

Sekolah : .....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,  
Ruangan Alai,  
Pat-Pat Gulambir, 457,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

**K**EBANGKITAN Islam yang kita lihat hari ini sememang menggembirakan hati kita, bahkan hati setiap yang mencintai agama ini. Di sana sini orang bercakap mengenai Islam dan cuba mendekati setiap isu itu dari kaca mata Islam. Ini tentunya sesuatu yang positif. Namun begitu, janganlah kita menganggap bercakap berhubung dengan agama sama dengan nilai dengan sebahagian pihak yang bersebelah di kedai kopi yang bercakap tanpa memerlukan penelitian fakta. Di sini saya akan cuba membawa pembaca mendekati sumber Sirah Nabi apabila saya merasai begitu mudah sesetengah pihak termasuk para penceramah agama menyandarkan sesuatu fakta itu kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tanpa memahami disiplin ilmu sirah. Ianya sesuatu yang berbahaya dan boleh memusnahkan ketulenan fakta agama.

Kata Dr. Rajih 'Abd al-Hamid al-Kurdi di dalam bukunya *Sy'aa'a min as-Sirah an-Nabawiyah fi 'Ahd al-Makki*: "Apabila disebut as-Sirah maka ianya bermaksud menterjemahkan kehidupan Nabi. Di mana as-Sirah telah menjadi suatu ilmu yang tersendiri iaitu ilmu as-Sirah." [m.s. 13, ctk. Dar Al-Furqan, Jordan].

Justeru itu as-Sirah an-Nabawiyah adalah suatu disiplin ilmu. Sebagai ad-Din yang kewujudannya berteraskan kesahihan fakta maka Sirah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah suatu disiplin ilmu yang mestilah berteraskan fakta yang benar dan tulen. Oleh yang demikian setiap pernyataan mengenai as-Sirah an-Nabawiyah mestilah dikenal pasti kekuatan dan kekukuhannya. Kajian terhadap sesuatu fakta sirah mesti dibuat dan diteliti secara bersungguh-sungguh.

Para penulis Sirah tidak menyaksikan sendiri segala peristiwa yang berlaku pada hayat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Mereka yang seperti Ibn Ishak, Ibn Hisham, at-Tabari, Ibn Kathir dan selain mereka menulis sejarah berdasarkan sumber yang sampai kepada mereka. Sumber-sumber tersebut ialah:

#### i) AL-QURAN AL-KARIM

Al-Quran adalah rujukan tertinggi Islam. Segala perkara dan urusan dalam hidup manusia maka rujukan adalah Al-Quran. Maklumatnya adalah qat'i dari segi kepastian aslinya atau disebut sebagai qat'iyyah ath-thubut. Oleh itu di dalam takrif Al-Quran sebahagian ulama 'ulum Al-Quran atau ilmu-ilmu Al-Quran memasukkan perkataan al-Manqul bi at-Tawatur iaitu sampai ke tangan kita secara mutawatir (tanpa syak tentang keasliannya). Ini bermaksud secara penuh yakin tanpa syak Al-Quran yang sampai ke tangan kita tidak pernah berubah atau ditambah atau dikurangkan sama sekali. Sepertimana kandungannya pada zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam demikianlah ianya kandungannya pada zaman kita. Oleh itu di mana sahaja umat Islam hanya memiliki Al-Quran yang sama. Ini berbeza dengan penganut Kristian yang memiliki gospel yang berbilang-bilang. Oleh itu Sirah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang disentuh oleh Al-Quran adalah yang paling diyakini.

# Riwayat Sirah : Antara yang tulen dan palsu

**OLEH MOHD. ASRI BIN ZAINUL ABIDIN**  
(Pelajar Ph. D. Hadis, Universiti Islam  
Antarabangsa, Malaysia)

Contohnya:

Al-Quran dalam Surah Al-Anfaal ayat 30 menceritakan bagaimana orang-orang kafir merancang ingin mengambil tindakan terhadap Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika orang-orang kafir merancang

tipu helah untuk memenjarakanmu atau membunuhmu atau mengusirmu. Mereka merancang tipu helah dan Allah juga menggagalkan tipu helah mereka. Sesungguhnya Allah sebaik-baik yang membalas tipu helah mereka."

Al-Quran di dalam Surah Adh-Dhuha ayat 6 menceritakan

**MEMBACA Al-Quran maka kita diminta merujuk kepada tafsirnya. Ini kerana para mufasssirin biasanya akan mengemukakan riwayat-riwayat yang menjelaskan maksud punca sesuatu ayat diturunkan atau disebut sebagai Asbab An-Nuzul. Kata Muhammad Muhammad Hasan Syurrah di dalam "Fi Usul Tarikh Al-'Arab Al-Islami: "Apabila kita mengkaji As-Sirah dari Al-Quran maka kita juga merujuk kitab-kitab tafsir yang menceritakan Asbab An-Nuzul dengan sanad (silsilah para perawi) yang bersambung seperti Tafsir At-Tabari serta mengkaji sanad tersebut." [ctk. Dar Al-Qalam, Syria].**

kan bahawa Nabi dahulunya yatim yang maksudnya:

"Bukankah Dia mendapati-mu sebagai seorang yatim lalu Dia melindungimu."

Al-Quran di dalam Surah Al-Fath ayat 29 menceritakan sifat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat Baginda yang maksudnya:

"Muhammad itu Rasulullah dan mereka yang bersama dengannya bersikap keras terhadap golongan kuffar dan berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka itu rukuk dan sujud mencari kurniaan Allah dan reda-Nya. Tanda-tanda mereka tampak pada wajah mereka dari kesan sujud."

Namun begitu seperti yang kita ketahui bahwa Al-Quran tidak memperincikan dalam menyebut peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam hayat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Al-Quran sekadar menyebut beberapa peristiwa secara umum dan dikutip pengajaran daripadanya.

Contohnya ayat 10 dari Surah Al-Fath yang maksudnya:

"Sesungguhnya mereka yang berbai'ah (mengikat janji setia) denganmu sebenarnya mereka berbai'ah dengan Allah. Tangan Allah di atas tangan mereka."

Jika kita hanya membaca ayat di atas tentu kita tidak

dapat mendalami apakah peristiwa bai'ah yang dimaksudkan di dalam ayat di atas. Namun begitu jika kita merujuk kepada kitab-kitab tafsir sebagai contoh Tafsir Al-Quran Al-'Azim yang dikenali dengan Tafsir Ibn Kathir, beliau telah mengemukakan riwayat-riwayat yang sahih membuktikan peristiwa tersebut ialah Peristiwa Bai'ah Ar-Ridhwan.

Sebab itu apabila kita membaca Al-Quran maka kita diminta merujuk kepada tafsirnya. Ini kerana para mufasssirin biasanya akan mengemukakan maksud punca sesuatu ayat diturunkan atau disebut sebagai Asbab An-Nuzul. Kata Muhammad Muhammad Hasan Syurrah di dalam "Fi Usul Tarikh Al-'Arab al-Islami: "Apabila kita mengkaji As-Sirah dari Al-Quran maka kita juga merujuk kitab-kitab tafsir yang menceritakan Asbab An-Nuzul dengan sanad (silsilah para perawi) yang bersambung seperti Tafsir At-Tabari serta mengkaji sanad tersebut." [ctk. Dar Al-Qalam, Syria].

Tuntutan mengkaji sanad iaitu kaedah teras dalam mengkaji riwayat adalah demi memastikan kita tidak mengambil riwayat-riwayat yang tidak benar atau tidak sahih yang terdapat dalam buku-buku tafsir. Ini kerana kebanyakan para mufasssirin (ulama tafsir) tidak menjadikan sahih itu sebagai syarat sesuatu riwayat dimuat-

kan di dalam kitab mereka. Mereka menulis kitab para zaman ilmu Islam tersebar luas, para pembaca ketika itu kebanyakan adalah para ulama dan mereka dapat menilai kedudukan sesuatu riwayat yang dikemukakan. Oleh itu As-Syeikh Muhammad Husain Az-Zahabi iaitu seorang pengkaji tafsir yang terkemuka membahaskan kesan pemalsuan terhadap tafsir menyebut di dalam kitabnya At-Tafsir Wa Al-Mufasssirin: "Sepertimana berlakunya percampuran riwayat-riwayat yang sahih dengan yang tidak sahih (di dalam kitab-kitab tafsir) menjadikan sebahagian mereka yang tidak berkemampuan membezakan-nya terus menerimanya. Mereka menerima dengan sebelah mata (tanpa meneliti) dan mengemukakan kesemuanya sebagai sahih." [m.s. 159-160. Ctk. Muallif, Mesir]

Apa yang dinyatakan oleh Muhammad Az-Zahabi itu mestilah diberi perhatian agar kita tidak memetik Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang tidak tulen atau rekaan semata.

Al-Imam Ibn Kathir adalah seorang penulis tafsir yang agung dan beliau juga adalah seorang ilmun dalam ilmu hadis. Kitabnya Al-Baith Al-Hathith adalah antara yang kitab ilmu hadis yang terkemuka. Manhaj atau metodologi muhaddithin banyak mempe-

**Lihat muka 9**

# Riwayat Sirah : Antara yang tulen dan palsu

## Dari muka 8

ngaruhi Ibn Kathir di dalam tulisan tafsirnya. Bahkan pengaruh kehebatan gurunya yang merupakan tokoh ilmuan Islam yang agung iaitu Syeikh Al-Islam Ibn Taimiyyah Radiallahuanhu yang menulis Muqaddimah fi Usul at-Tafsir juga banyak memandu manhaj tafsirnya. Sebab itu kita dapati beliau seringkali sekalipun tidak semua – menilai riwayat-riwayat yang dikemukakan di dalam tafsirnya, sama ada boleh diterima atau sebaliknya dengan penilaian ulama hadis. Oleh itu membaca Tafsir Ibn Kathir adalah antara langkah yang baik dalam memahami sirah.

Contoh kritikan matan oleh Ibn Kathir terhadap riwayat yang dibawa oleh Al-Imam At-Tabari: Kata Abu Ja'far bin Jarir (At-Tabari): Telah menceritakan kepadaku Muhammad bin Ismail Al-Misri yang dikenali dengan Al-Wisawis, kata beliau: Telah mengkhabarkan kepada kami 'Abd al-Hamid bin Abi Daud daripada Ibn Juraij daripada 'Ata daripada 'Ubaid daripada 'Umair daripada Mutalib bin Abi Wida'ah: Sesungguhnya Abu Talib berkata kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Apakah yang kamu rancang terhadapmu? Sabda Nabi: "Mereka hendak memenjarakanku atau membunuhku atau mengusirku." Kata Abu Talib: "Siapa yang memberitahumu?" Sabda Nabi: "Tuhanku." Kata Abu Talib: "Ya! Tuhan, Tuhanmu, berpesanlah kepada-Nya kebaikannya." Sabda Nabi: "Aku berpesan kepada-Nya? Bahkan Dialah yang berpesan untukku." Lalu turun ayat yang maksudnya:

*"Dan (ingatlah) ketika orang-orang kafir merancang tipu helah untuk memenjarakanmu atau membunuhmu atau mengusirmu."* [Surah Al-Anfaal : ayat 30]

Kata Al-Imam Ibn Kathir dalam mengkritik riwayat di atas, "Disebut nama Abu Talib dalam riwayat tersebut adalah sesuatu yang ganjil dan mungkar (di dalam istilah muhaddithin mungkar bermaksud riwayat tersebut menyanggahi riwayat yang lebih dipercayai). Ini

kerana ayat ini [Surah Al-Anfaal ayat 30] adalah mada-niyyah (diturunkan selepas hijrah), di samping kisah ini dan perhimpunan Quraisy dalam merancang dan bermesyuarat untuk memenjara atau mengusir atau membunuh Baginda hanya berlaku pada malam hijrah. Ini semua selepas tiga tahun kewafatan Abu Talib. (Selepas itu Ibn Kathir mendatangkan riwayat lain yang mengukuhkan hujjahnya. [ruj: Tafsir Al-Quran al-'Azim, jld. 2, m.s. 314, ctk. Dar Al-Ma'arif, Beirut]

Daripada contoh di atas kita dapat lihat bagaimana Al-Imam Ibn Kathir mengkritik riwayat yang bawa oleh At-Tabari dan tidak menerimanya dengan mudah. Inilah manhaj yang patut ada dalam diri penulis dan pengkaji sirah.

## ii. KITAB-KITAB HADIS

Hadis-hadis itu sendiri adalah sirah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang penuh termuat di dalam kitab-kitab hadis seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Al-Muwata', Sahih Ibn Khizaimah, Sahih Ibn Hibban, Kitab-kitab Sunan Abi Daud, Ibn Majah, At-Tirmizi, kitab-kitab Masanid seperti Musnad Ahmad dan Abi Ya'la juga lain-lain kitab. 'Peranan kita ialah memilih hadis-hadis yang diterima kesabitannya di sisi muhaddithin kerana bukan semua hadis-hadis yang termuat dalam kitab-kitab tersebut sahih kecuali yang terkandung dalam Sahihain iaitu Sahih Al-Bukhari dan Muslim. Namun begitu, masih ada beberapa hadis di dalam kedua-dua kitab sahih tersebut yang sepakat para ulama mengenai kelemahannya atau masih dipertikaikan. Perbincangan ini adalah sejak dahulu lagi seperti al-Imam ad-Daraqudni yang mengkritik sahih Al-Bukhari dan lain-lain sehingga ke zaman kita ini. Walaupun ada para ulama yang mempertahankan seluruh riwayat-riwayat yang ada di dalamnya seperti Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani dan seumpamanya, namun masalah ini kekal sebagai masalah khilaf di kalangan ulama. Dengan itu walaupun keduanya dianggap kitab yang paling sahih selepas Al-Quran, ini adalah hukuman secara

umumnya, tetapi di dalamnya terdapat beberapa hadis yang para ulama sepakat tentang ke-dhaifannya dan beberapa hadis yang ulama berbeza pendapat mengenainya. Syeikh Al-Islam Ibn Taimiyyah menjelaskan perkara ini berulang kali dalam majmuk fatwanya. Namun ukuran dalam membincang masalah ini hendaklah berlegar di kalangan para ulama dan cendiakawan Islam serta jangan golongan yang jahil dan jahat mengambil kesempatan untuk menyalah faham umat dalam menjelaskan hal ini.

## iii. KITAB-KITAB AS-SIRAH DAN BUKU-BUKU SEJARAH

Sepertimana yang disebut tadi, bahawa pengumpulan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sekali gus bererti mengumpulkan sirah Baginda. Namun begitu ada di kalangan para ulama sejak dari tabi'in dan selepas mereka yang mengumpulkan riwayat hidup Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam buku khas yang disebut Kutub As-Sirah atau buku sirah, atau buku yang mencerita peperangan-peperangan yang disertai oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang disebut sebut sebagai Kutub Al-Maghazi. Ini seperti Sirah An-Nabi oleh Ibn Hisyam, Sirah Ar-Rasul di dalam Tabaqat Al-Kubra oleh Muhammad Ibn Sa'ad, Sirah Ar-Rasul di dalam Tarikh Al-Umam wa Al-Muluk atau dikenali dengan Tarikh At-Tabari, begitu dengan Sirah yang terdapat dalam Al-Bidayah wa An-Nihayah oleh Ibn Kathir dan lain-lain.

Namun adalah perlu diingatkan, bahawa riwayat-riwayat yang ada di dalam kitab-kitab Sirah ada yang sahih demikian juga ada yang lemah lagi palsu. Oleh itu para pembaca mestilah berhati-hati di dalam membuat petikan dan hujah. Seorang tokoh ulama Al-Azhar yang masyhur, Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah menyebut di dalam bukunya, As-Sirah An-Nabawiyyah fi Dau Al-Quran wa As-Sunnah: "Suatu perkara yang wajar diketahui sesungguhnya di dalam buku-buku sirah dan maulid, ada riwayat yang sahih dan ada pula yang dhaif. Bahkan ada yang dusta dan rekaan. Demikian seperti yang didakwa oleh sebahagian penulis-penulis Israk dan Mikraj bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memijak Arsy dengan kasutnya dan Allah berfirman: *"Wahai Muhammad telah mulialah Arsy dengan kasutmu."* Ini adalah perkataan (riwayat) yang batil!!!. Telah ditanya Al-Imam Radiy Ad-Din Al-Qazwaini tentang perkara tersebut, jawabnya: "... Adapun hadis Nabi memijak Arasy dengan kasutnya adalah tidak thabit (benar). Bahkan sampainya Baginda ke kemuncak Arasy juga adalah tidak diperkukuhkan dengan khabar yang sahih atau hasan bahkan tidak sabit sama sekali. Hanya yang sabit di dalam hadis ialah Baginda sampai setakat Sidrat Al-Muntaha sahaja."

Di samping itu Abu Syahbah juga menyebut bahawa riwayat yang menyatakan Nabi melihat usia dunia berusia 7,000 tahun adalah Isra'iliyat dan dusta, tidak kaitan dengan Islam. [jld. 1,

m.s. 14, ctk. Dar Al-Qalam, Syria].

Bahkan adalah memalukan umat Islam apabila golongan non-Muslim atau para saintis mengetahui orang mempercayai bahawa dunia ini hanya berusia 7,000 tahun pada zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan sekarang tentunya tidak lebih dari 8,500 tahun usia dunia. Sedangkan kajian telah membuktikan umur dunia jutaan tahun mengatasi tempoh tersebut. Riwayat itu palsu dari segi sanadnya dan khurafat inti kandungannya.

Mungkin juga kita bertanya, mengapakah boleh wujudnya riwayat yang tidak benar di dalam buku-buku Sirah? Sebenarnya, masalah ini berkaitan dengan metodologi atau manhaj yang diambil oleh para penulis sirah. Para penulis sirah mementingkan jalan cerita dan kesinambungannya. Mereka tidak mahu adanya episod-episod yang terputus. Mereka tidak mahu adanya babak-babak yang dikosongkan. Ini akan berlaku jika mereka menuruti disiplin ulama hadis lantas buku-buku mereka menjadi tidak menarik dan terputus-putus. Justeru itu mereka memudah-mudahkan dan mengharap para pembaca menilainya. Kata As-Syeikh Hammam Sa'id di dalam Muqaddimah kepada Sahih As-Sirah-An-Nabawiyyah yang ditulis oleh Ibrahim Al-'Ali: "Para ahli sejarah dan penulis sirah telah tasahul (memudahkan) di dalam periwayatannya. Mereka menyebut di dalam kitab-kitab mereka khabar-khabar yang terputus sanadnya (munqati'ah) kerana ingin menjaga sudut kesinambungan

gambaran sejarah yang berkait dengan peristiwa-peristiwa. Sementara para ulama hadis (muhaddithin) berpandukan metodologi kritis (manhaj an-Naqdi) yang membezakan antara riwayat-riwayat yang sahih dengan yang selainnya. Sekalipun membawa kepada terputusnya gambaran sejarah atau penerimaan episod-episod secara tidak lengkap. [m.s. 7 Dar An-Nafais, Jordan]

Persoalan yang timbul pula, wajarkah kita menerima riwayat-riwayat yang tidak kukuh ini? Jawapan telah pun diberikan oleh seorang tokoh ulama besar dari Benua India iaitu As-Sayyid Sulaiman An-Nadwi di dalam bukunya Ar-Risalah Al-Muhammadiyah, katanya: "Sesungguhnya sirah yang berhak diikuti oleh manusia sebagai contoh yang baik dan teladan yang tinggi disyaratkan terlebih dahulu mestilah bersifat tarikhiyyah (sejarah). Adapun sirah yang tertegak di atas dongengan dan cerita-cerita khurafat yang tidak disokong oleh riwayat-riwayat yang dipercayai kesahihannya, adalah menjadi tabiat insan tidak akan terpengaruh dengan apa yang diceritakan kepadanya tentang sirah peribadi yang direka sedangkan sejarah tidak pernah mengenalinya." [m.s. 41, ctk. Dar As-Sa'udiyyah, Saudi].

Hendaklah tokoh-tokoh agama yang berceramah atau menulis memastikan mereka benar-benar memetik sirah bukan kisah yang diketahui asal usul atau dari mana munculnya. Tugasan para penulis sirah ialah menghimpun sementara tugas kita adalah mengkaji dan menilai. Mereka menulis untuk golongan ulama yang mampu menilai tetapi malangnya ramai golongan miskin metodologi atau manhaj ilmu. Oleh itu kita dapati ramai para ustaz atau golongan yang memberi ceramah agama membawa kisah-kisah yang tidak benar mengenai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Kejahilan mereka menjadikan mereka mencemarkan keindahan sirah. Orang terpengaruh dan terbawa-bawa dengan sirah yang tidak benar bahkan melucukan, akhirnya Islam dipersendakan.

**MUNGKIN juga kita bertanya, mengapakah boleh wujudnya riwayat yang tidak benar di dalam buku-buku Sirah? Sebenarnya, masalah ini berkaitan dengan metodologi atau manhaj yang diambil oleh para penulis sirah. Para penulis sirah mementingkan jalan cerita dan kesinambungannya. Mereka tidak mahu adanya episod-episod yang terputus. Mereka tidak mahu adanya babak-babak yang dikosongkan. Ini akan berlaku jika mereka menuruti disiplin ulama hadis lantas buku-buku mereka menjadi tidak menarik dan terputus-putus. Justeru itu mereka memudah-mudahkan dan mengharap para pembaca menilainya.**

# DEMAMAKAN SIKHAT



## KURANGKAN MAKAN

KUMPULAN 5  
yang berlemak  
berminyak  
masin  
manis



## SEDERHANAKAN MAKAN

KUMPULAN 4  
2 - 3 hidangan tenusu sehari  
1 hidangan : 1 gelas susu  
1 keping keju

KUMPULAN 3

Protein  
2 - 3 hidangan sehari  
1 hidangan : 1 ekor rumahan  
1 potong ayam  
1 keping tauhu

KUMPULAN 2

2-3 sajian sayur-sayuran sehari  
1 sajian : 1 senduk sayur

2-3 sajian buah-buahan sehari  
1 sajian : 1 biji epal/oren  
5 biji rambutan  
1 hiis nenas/  
betik/sekoi

## MAKAN MENGIKUT KEPERLUAN

KUMPULAN 1  
Karbohidrat Kompleks  
8 - 12 hidangan sehari

1 hidangan : 1 senduk nasi/imi  
1 keping roti paun  
1 biji ubi kentang  
2 keping biskut kering



# PANDUAN PEMAKANAN KEBANGSAAN

**M**akanlah berjenis makanan dari setiap kumpulan mengikut kuantiti yang disarankan.

**A**malkan 2-3 sajian sayur-sayuran, ulam-ulaman dan 2-3 sajian buah-buahan setiap hari.

**K**urangkan masakan berlemak dan berminyak; Banyakkan masakan berebus dan berkukus.

**A**malkan sajian kurang masin dan kurang manis.











**N**ikmati lebih makanan jenis kekacang dan bijiran.

**A**nak damit mendapat pemakanan yang terbaik dari susu ibu.

**N**ikmati pemakanan seimbang disamping bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.



Pelancaran  
 Hati Cara Hidup Sehat  
 Peringkat Kebangsaan  
 25 November 2000  
 Asyraf  
 Kementerian Kesihatan



# TARIKH LAHIR

**P**AGI ini aku mendapati diriku berada di sebuah ruang bilik yang bersaiz tujuh kali sepuluh kaki persegi. Pernah aku bayangkan untuk tinggal di sebuah bilik yang lebih luas dari bilik ini dan mempunyai perabot mewah di dalamnya.

Pernah juga aku bayangkan bagaimana rasanya tinggal di dalam sebuah bilik yang lebih kecil dari ini yang dikelilingi kisi-kisi besi apabila seorang rakanku bercerita mengenainya dulu.

Aku bersyukur kerana dapat diam di dalam ruang bilik yang bersaiz tujuh kali sepuluh kaki persegi ini selama mana aku suka, lalu melangsungkan hidupku yang sudah mencapai umur kedua puluh sembilan tahun sekarang jika menurut tarikh lahir yang tercatat dalam sijil beranak dan kad pengenalan.

Tapi apabila mengingatkan tarikh lahirku pagi ini, aku tidak pernah pun berfikir hendak meraikan hari jadiku. Sebagaimana yang selalu dilakukan oleh sebilangan orang setiap kali umur mereka meningkat.

Menurut ibuku, "Tarikh lahir yang tercatat di sijil beranak dan kad pengenalan ini sebenarnya tidak benar. Ini kerana salah ayahmu yang tidak pernah ingat mahu mencatat, dan lama sesudah itu baru membuat pendaftaran di Jabatan Beranak dan Mati. Ketika itu kau sudah pandai tersenyum apabila dimanja."

Ini yang membuat aku merasa kurang berminat mahu meraikan hari jadiku. Bagaimanapun aku tidaklah menyalahkan mereka, kerana kata ibu waktu itu kami tinggal jauh di pedalaman, dan aku dilahirkan di sana dengan serba kekurangan.

Terutama sekali belum ada kemudahan jalan untuk membolehkan ibu melahirkanku di klinik bidan kerajaan.

Sekarang aku fikir masalah semacam ini tidak timbul lagi pada zaman ini. Negaraku sudah menyambut hari kemerdekaannya yang keenam belas tahun. Dan ketika hari kemerdekaan ini diisytiharkan pada satu hari bulan Januari tahun seribu sembilan ratus lapan puluh empat aku baru saja mencapai umur tiga belas tahun.

Ini pun jika mengikut tarikh lahir yang tercatat dalam sijil beranak dan kad pengenalan yang sudah tidak kupercayai lagi. Negaraku sudah mencapai kemajuan, terutama taraf kehidupan penduduknya yang semakin bertambah dengan lahirnya anak-anak damit setiap hari.

Aku bangun lewat pagi ini. Semalam aku menghadiri majlis hari jadi sepupuku yang ke dua puluh satu tahun. Dia seorang gadis yang baru sahaja meningkat dewasa. Sekarang meneruskan pengajiannya di universiti tempatan.

Aku menerima undangan dengan senang hati, walaupun bukan sebagai tetamu istimewa. Ada ramai tetamu undangannya yang hadir.

Mereka terdiri dari kawan-kawannya yang berusia sekitar sembilan belas tahun hingga dua puluh lima tahun. Malangnya aku tidak pernah mengenali mereka. Kecuali tetamu yang ada hubungan kekeluargaan denganku.

Sebaik selesai dibacakan doa, Arni lalu diminta memotong kek yang dihias cantik di tengah ruang tamu, serta diiringi dengan nyanyian 'Happy

Birthday' oleh kawan-kawannya. Sesudah ini kami dijamu dengan makan dan minum.

Sebuah majlis hari jadi yang meriah sekali. Aku kagum dengan layanan kedua orang tua Arni terhadap semua tetamu. Bersama kami adalah seorang ustaz muda yang diundang khas untuk membacakan doa.

Dia kelihatan ramah sekali sambil menikmati jamuan yang dihidangkan dalam dua buah meja tamu. Tidak seorang pun yang mahu berbual panjang denganku, atau aku sendiri memang tidak berminat membuka suara apabila ada tetamu yang kukenal cuba berbasa-basi denganku.

Ada di antara mereka menegurku dengan bahasa yang teralu sopan. Sehingga aku berasa kekok berada lebih lama di tengah-tengah mereka.

Tapi sebenarnya aku memang suka meraikan majlis hari jadi ini. Ia berlangsung sehingga pukul dua belas tengah malam setelah semua orang puas hati berkaraoke.

Inilah sebabnya aku bangun lewat pagi ini dan mendapati diriku berada di ruang sebuah bilik yang bersaiz tujuh kali sepuluh kaki persegi ini. Aku hampir tidak mendengar suara keluargaku yang menghuni rumah bango ini.

Aku percaya adik-adikku sudah bangun lebih awal dan berada di sekolah sekarang. Sementara ayah tentu sudah jauh menuju ke bandar untuk menjalankan tugas memandu di jabatannya.

Ibu mungkin ada di batas




kebum sayurnya yang tidak pernah banyak mengeluarkan hasil, tetapi cukup untuk keperluan keluarga kami.

Dan aku pula, yang tidak pernah merasa bahagia di hari tarikh lahirku pagi ini cuba mencari sesuatu yang dapat menarik minat untuk kuisi masa yang paling berharga ini. Tidak pula aku fikirkan untuk mencari sebarang pekerjaan di bandar.

Fikiranku cuma berlegar di ruang bilik yang bersaiz tujuh kali sepuluh kaki persegi ini dan jika moodku baik fikiranku akan berpindah pula ke atas meja tulisku yang penuh dengan kertas akhbar harian, majalah, buku sastera dan sebuah mesin taip lama.

Kadang-kadang apabila aku tidak menemukan sesuatu yang aku minati, mudah sekali muncul perasaan romantis. Romantis bagiku ialah apabila mengingatkan hari jadiku yang



tidak pernah aku raihan. Ini mungkin juga kesan daripada kunjunganku ke majlis hari jadi Arni semalam.

Aku sudah cuba mendapat kata pasti dari nenek tentang bila tarikh lahirku yang benar-benar. Kata nenek, "Tidak apa, bila-bila pun kau boleh mengadakan majlis hari jadi seperti ini dalam setiap tempoh satu tahun."

Tapi menurut ibu, aku "Dilahirkan pada awal musim mengetam padi. Ketika itu semua orang sudah heboh bercerita tentang kejayaan pertama manusia menjelang kaki di bulan."

Jadi aku terus bandingkan tarikh lahir yang tercatat dalam sijil beranak dan kad pengenalan dengan menyemak tarikh Neil Armstrong dan Edwin Aldrin bersama seorang lagi rakan angkasa mereka berjaya mendarat di bulan, iaitu pada dua puluh hari bulan Julai seribu sembilan ratus enam puluh sembilan.

Pernah suatu ketika ibu menyarankan supaya aku mengadakan majlis hari jadiku pada salah satu tarikh di bulan Disember, berdasarkan ingatan yang tidak tepat itu.

Bagaimana pun aku tidak pernah mahu mengadakannya. Tidak semua orang mesti meraikan hari jadinya. Tapi tidak bermakna aku juga melupakan terus berapa sudah umurku sekarang.

Jangan terlalu berperasaan romantis.

Begitu aku seringkali disedarkan oleh keadaan; kenyataan hidupku sendiri. Jadi aku biarkan sahaja ia berlalu.

Jika aku sendiri tidak pernah tahu bila tarikh lahirku yang sebenarnya bermakna tidak seorang pun di antara kamu tahu bila tarikh lahirku sebetulnya dan memberi hadiah hari jadi utukku sehingga pada pagi ini.

Sama ada aku sudah mencapai umur dua puluh sembilan tahun jika menurut tarikh lahir yang tercatat dalam sijil beranak dan kad pengenalan, dua puluh lapan tahun atau tiga puluh tahun, sekarang aku sendiri tidak pasti.

Yang aku pasti zaman kanak-kanak sudah jauh kutinggalkan. Zaman remaja sudah pun berlalu. Aku sudah dewasa yang menurut teori psikologi Erikson sebagai tahap ke enam yang biasanya mengalami konflik di antara intimasi dan pemencilan diri.

Barangkali juga benar aku turut menghadapi krisis peribadi apabila aku cuba meniru cara kehidupan orang muda zaman sekarang dan mengasaskan cara kehidupan baru.

Berbanding zaman ibu, ayah dan nenek yang tidak pernah mengadakan majlis hari jadi mereka dulu. Soalnya orang zaman sekarang sudah banyak terdedah dengan cara hidup masyarakat orang barat.

Sehingga berlaku perkara yang tidak diterima dalam asas masyarakatku lebih diterima sebagai rasional.

Dan pagi ini aku tidak tahu mahu pergi ke mana-mana dan berbuat lain dari menulis cerita tentang tarikh lahir; fikiranku cuma berlegar di ruang bilik yang bersaiz tujuh kali sepuluh

kaki persegi ini.

Aku cuba mencari sesuatu yang dapat menarik minatkku terhadap sesuatu kerja di dalam ruang bilik yang bersaiz tujuh kali sepuluh kaki persegi ini lagi.

Akhirnya aku menemui buku sajakku yang hampir tersorok di bawah meja tulisku. Aku terus membelek dan membaca beberapa judul dan kemudian berhenti lama menatap sebuah sajak yang aku tulis pada lima hari bulan September tahun seribu sembilan ratus sembilan puluh satu yang lalu. Judulnya juga tarikh lahir. Sajak ini kutulis begini:

*Tarikh lahirku hilang dari ingatan*

*Papa tidak pernah mencatatkannya.*

*'Tarikh yang terdaftar di sijil beranak itu tidak benar.'*

*Menurut mama, aku 'lahir musim mengetam padi, tahun orang pertama menjelang kaki di bulan.'*

*Maka umurku sudah 21 tahun. Manakala anak-anak saudaraku*

*Sudah mula mengadu mahu diberikan hadiah*

*Meraikan 'happy birthday' mereka setiap tahun*

*Jadi aku cuma mampu mengucapkan*

*Happy birthday to you*

*Happy birthday to you*

*Happy birthday to you*

*Happy birthday to you*

*Happy birthday to you*

Lihat muka 13

PUISI .... PUISI .... PUISI .... PUISI ....

SUARA-SUARA BERBICARA

Di sudut kamar ini  
suara-suara berbicara  
tentang hidup  
di hati seorang kekasih  
bersua cuma sekadar waktu.  
Datangmu  
umpama lintasan bayang  
membuatkan aku bingung  
dalam mimpi tertawa  
buat keputusan sendiri  
inikah ilhamku buatmu kekasih.  
Semalam engkau datang lagi  
juga bersuara  
tidak seperti dulu  
sedang aku  
terus menokok kasih.  
Hari ini pun mungkin besok  
cerita baru bagai dulu  
tambah parah cerita lama  
pada suara pernah kau puja  
rupanya dusta  
inikah erti kekasih yang setia ....?

Suria Manja

TEKAD KEMERDEKAAN

Tetap terasa masih panas bahang  
kemenangan  
petanda kemegahan kedaulatan negara maju  
nilai darjat adat resam budaya rakyat  
Melayu  
setitik darah pun tidak pernah tumpah ke  
bumi  
suasana yang aman dipengaruhi lambang  
keimanan  
kekal menjadi ristaan sejarah kegemilangan  
terbilang.  
Tunggal tahun 1984 sebagai tanda kenangan  
berulang menjelma kekal kukuh  
kemerdekaan  
23 Februari, 2000 bergema lagi suara  
rakyat  
negara maju berjaya kaya raya tersusun  
indah  
seluruh rakyat gembira menyambut  
meraiikannya  
kemeriahan asyik mengalun berkumandang  
ke udara.  
Marilah berdiri maju ke hadapan beramai-  
ramai  
menegakkan kibaran bendera bergerak  
maju  
janganlah mundur kuatkan semangat  
perjuangan  
kata sepakat perpaduan rakyat jelata sehati  
sejiwa  
sama-sama menandai kedaulatan panji-panji  
negara  
menggalkan tiang agama, bangsa dan  
negara.  
Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu  
Akbar!  
Masih terasa kedengaran di ruang telinga  
mendayu-dayu lambang sejarah keamanan  
terasa megah kekal karar memerintah  
selamanya  
pohonkan aman sejahtera harmoni sentiasa  
panjatkan doa pemerintahan pucuk  
pimpinan.

Basirah HB

PERJALANAN INI

Kaki ini  
maju setapak lagi  
dan perjalanan ini  
semakin jauh  
sekian kalinya  
kurentasi lintangan aral

yang menghalangi  
perjalanan ini.  
Kecewa sering kali hadir  
dan kata itu  
kobaran semangat ini  
mengatasi rasa putus asa  
kerana perjalanan ini  
tidak boleh mati  
dengan sia-sia.  
Hingga kini kumasih tak pasti  
bilakah perjalanan ini  
akan berakhir ....

GADIS BERLESUNG PIPI

Kejernihan wajahnya  
setenang hatinya  
jelingan matanya  
tersirat seribu makna  
senyuman manisnya  
berbunga riang rasa  
tutur katanya  
selembut budinya.  
Dia  
gadis misteri berlesung pipi  
berselindung di sebalik pentas impian  
datangnya tidak diundang  
perginya tidak kembali lagi  
maka terungkaplah  
beribu persoalan  
yang tidak terjawab.

MASA

Ia umpama emas  
umpama intan  
umpama permata  
nilainya sangat tinggi  
di sebalik kesabaran manusia  
ia terus berlalu  
tanpa berpatah balik  
kepergiannya  
akan manusia  
dalam kesyukuran  
dalam kekesalan.  
Nescaya  
akan rugilah manusia  
jika mensia-siakan.  
Aimmie

PANGGILAN

Bila panggilan datang menjelma  
malaikat maut menanti tibanya masa  
tidak terkehadapan dan tidak terkebelakang  
masa itu walau sesaat.  
Tibanya panggilan  
tidak mampu kita menahan  
kerana itu ketentuan  
dari Tuhan yang Maha Esa.  
Bila kita fakir bekalan keimanan  
akan tergetar seluruh jiwa menghadap-Nya  
bila kita kaya ketakwaan dan keimanan  
hadirlah kita di pintu rahmat dengan  
kebahagiaan.  
Tidak layak rasanya kita  
berada di dalam syurga-Mu  
sedangkan kita bergelomang  
dengan dosa-dosa seharian  
tapi tidak mampu kita  
menghadap neraka-Mu  
sedangkan azab-Mu begitu dahsyat.  
Ya Tuhan  
dengarlah doa hamba-Mu  
hujanilah panggilan kami dengan keimanan  
hadirkanlah dalam diri kami ketakwaan  
agar kami tetap bersama  
di bawah sinaran belaian rahmat-Mu.  
Ady Kusuma

Dari muka 12

Kepada mereka berkali-kali-  
kali-kalinya.

Sajak ini bukanlah sebuah  
sajak yang menarik sekali. Aku  
bukan penyajak lagi walaupun  
selalu menulis sajak di lem-  
baran buku notaku dan tidak  
pernah aku berikan kepada  
orang lain membacanya. Tapi  
pentingnya sajak ini padaku  
ialah perutusannya akan lebih  
mudah sampai pada fikiran  
pembaca.

Orang lain tidak pernah aku  
dapati menulis sajak seringkas  
ini lalu dengan sebuah persoalan  
yang sangat remeh sekali.

Romantis bagiku ialah apa-  
bila mengingat tarikh lahir. Ia  
sangat penting sebagai meng-  
hargai hidupku. Mengingat  
tarikh lahir bermakna aku  
mudah sekali mengira berapa  
umurku sekarang.

Kalau umurku sudah me-  
ningkat tua nanti maka aku tahu  
mati pun semakin dekat buatku,  
walaupun aku tidak dapat me-  
ramal bila aku akan menemui  
mati.

Memang hidup dan mati di-  
tentukan oleh Tuhan. Aku  
mesti menghargai hidup kerana  
hidup ialah adzqeqkvpor,  
dibanding dengan mati yang  
kulihat sebagai oooooooooo-  
oooooooo. Bagaimanapun aku  
harus juga selalu mengingati  
mati sekerap mana yang boleh  
berbanding dengan tarikh lahir-  
ku.

Soal hidup dan mati se-  
benarnya tidak selalu ada  
dalam fikiranku kalau tidak  
kerana aku berada di dalam  
ruang sebuah bilik yang bersaiz  
tujuh kali sepuluh kaki persegi  
ini.

Buku sajak yang sudah lama  
tidak kubaca ini lalu aku letak-  
kan di atas meja tulisku. Fikir-  
anku kembali berlegar-legar di  
ruang bilik yang bersaiz tujuh  
kali sepuluh kaki persegi ini  
dan dalam masa lima minit aku  
tidak memperoleh apa-apa.  
Kosong.

Adakah aku sudah mati dan  
melihat oooooooooooooooooo  
oooooooooooooooooooooooooooo  
oooooooooooooooooooooooooooo  
oooooooooooooooooooooooooooo  
yang semakin bany-  
ak. Sehingga tiba-tiba aku  
teringat kata-kata daripada se-  
buah sajak Octavia Paz yang  
berjudul Keremajaan:

Lompatan ombak lebih putih  
setiap jam lebih hijau  
kematian yang satu lagi  
dia mencipta sebuah wajah  
untuk dirinya.  
Di belakangnya  
Dia hidup, mati dan hidup  
kembali  
beberapa kali hari ini wajah  
nya  
menunjukkan kedut wajah itu.  
Kedutannya tidak mempunyai  
wajah.

Aku dapat bayangkan per-  
soalan sajak ini sangat dekat  
dengan diriku, meskipun umur-  
ku jauh lebih muda daripada  
Octavia Paz yang sangat ter-  
kenal dalam dunia kesusastera-  
an itu.

Menurut Ivar Ivask editor  
World Literature Today ini,  
Octavia Paz merupakan se-  
orang penyajak dan pengarang  
yang mempunyai dimensi uni-  
versal. Dalam erti kata ini se-  
luruh hidupnya mencuba men-  
jangkau melewati bahasanya,  
tanah airnya dan pemikiran  
barat bagi menyatupadukan  
suara manusia sejagat.

Sebelum ini aku pernah ber-  
angan-angan mahu jadi seperti  
Octavia Paz atau sekurang-ku-  
rangnya seperti Chairil Anuar,  
Sutradji Calzoum Bachri,  
Usman Awang, Baha Zain,  
Baharuddin H.O. Yahya M.S.  
dan yang terakhir sekali me-  
niru-niru gaya penulis sajak  
yang bernama Puasha, penulis  
muda yang sudah banyak me-  
nulis sajak dan cerpen di  
majalah Bahana, PELITA  
BRUNEI dan Media Permata  
itu.

Aku pernah merayau di  
lorong-lorong, jalan kecil,  
pekan, bandar dan kampung  
hanya kerana mencari ilham  
untuk menulis sajak seperti  
mereka tapi tidak pernah ber-  
hasil.

Kalaupun aku menemui  
ilham ia tidak dapat kuterje-  
mahkan terus dengan kata-kata.  
Inilah masalah yang aku hadapi  
apabila mahu menulis sajak.  
Kata adalah makna itu sendiri,  
menurut Kredo Puisi Sutardji  
Calzoum Bachri.

Sebab jarang sekali mem-  
perolehi makna maka aku tidak  
berhasil menulis sajak. Dan  
sempena mengingati tarikh  
lahir yang tercatat dalam sijil  
beranak dan kad pengenalku  
yang sudah tidak kupercayai  
lagi ini juga aku tidak mahu  
berfikir untuk menulis sajak  
lagi.

Aku juga tidak mahu keluar  
dari sebuah ruang bilik yang  
bersaiz tujuh kali sepuluh kaki  
persegi ini dan mencari ilham  
luar.

Ilham itu menurutku ibarat  
bunga-bunga lalang yang ber-  
terbangan ditiup angin. Apabila  
angin berhenti jatuhlah bunga-  
bunga lalang yang berterba-  
ngan mengikut haluan angin  
ini. Tidak tahu di bumi mana  
bunga-bunga lalang ini jatuh,  
tapi yang aku pasti bunga-  
bunga lalang ini cuma meng-  
harap pada keadaan angin.

Sebelum ini aku pernah ada  
angin ilham dan berjaya me-  
nulis cerpen tentang fikiran pe-  
nulis muda yang ingin mener-  
bitkan karya sajaknya. Cerpen  
itu berjudul 'Di Tepi Danau',  
yang pada asalnya penuh de-  
ngan tanda pembetulan, sehin-  
ga sampai ke meja Sidang Pe-  
nyunting PELITA BRUNEI  
yang tidak pernah gagal mener-

bitkan cerpen-cerpenku sehin-  
ga pada pagi ini.

Cerpen itu aku petik cerita-  
nya begini: Sehingga kini kami  
masih belum bertolak daripada  
persoalan. Masih tercari-cari.  
Bilamana ingin menulis,  
kadang-kadang di bilik kuliah  
ada saja idea (ilham), saya  
masih belum menerima (mak-  
nanya), justeru saya tidak per-  
nah menemukannya (kata). Ah,  
cerpen ini sebenarnya tidak  
begitu baik dan menarik!

Berfikir tentang sajak dan  
cerpen padaku akan membuat-  
kan kita kenal diri sendiri. Tapi  
apabila berfikir tentang tarikh  
lahirku yang tidak benar pada  
pagi ini aku merasa diriku  
hilang entah ke mana.

Tidak seorang pun dari ke-  
luargaku yang pasti bila tarikh  
lahirku yang sebenarnya. Sebab  
menurut ibuku, "Tarikh lahir  
yang tercatat di sijil beranak  
dan kad pengenalku ini tidak  
benar."

Dalam usia dua puluh sem-  
bilan tahun sekarang ternyata  
aku masih perlu banyak belajar  
tentang hidup. Hidup yang ber-  
mula dari lahir, dan lahir tentu  
sahaja pada tarikhnya yang di-  
tentukan, lalu mati juga tentu  
sahaja pada tarikhnya yang di-  
tentukan.

Tapi pagi ini fikiranku ber-  
legar-legar terus di dalam ruang  
sebuah bilik yang bersaiz tujuh  
kali sepuluh kaki persegi ini.  
Pernah aku bayangkan untuk  
tinggal di sebuah bilik yang  
lebih luas dari bilik ini dan  
mempunyai perabot mewah di  
dalamnya.

Pernah juga aku bayangkan  
bagaimana rasanya tinggal di  
dalam sebuah bilik yang lebih  
kecil dari ini, yang dikelilingi  
oleh kisi-kisi besi apabila se-  
orang rakanku bercerita menge-  
nainya sewaktu dia dalam  
tahanan kerana didapati meng-  
gunakan sejenis pil yang meng-  
andung dadah kelas A ber-  
sama kawan-kawannya dan  
hanya berseluar dalam sehin-  
ga merasa sejuk yang tidak ter-  
hingga pada waktu malam dan  
lapar dahaga kerana hanya  
diberi sebungkus nasi harga  
lima puluh sen serta air paip  
yang tidak dimasak.

Sebab itu aku berasa senang  
sekali diam di dalam ruang  
bilik yang bersaiz tujuh kali se-  
puluh kaki persegi ini.

Fikiranku berlegar-legar  
terus dan ketika aku hampir  
lupa tentang tarikh lahirku yang  
tercatat di dalam sijil beranak  
dan kad pengenalku yang  
tidak lagi kupercayai ini, aku  
terdengar suara ahli keluargaku  
dari luar ruang bilik yang ber-  
saiz tujuh kali sepuluh kaki  
persegi ini.

"Happy Birthday untuk  
abang ya, Ma."

"Shhhh ..... jangan cakap  
kuat-kuat."



سنتياس برسام بيسكيت  
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسون رنچاغن تيليشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

### RABU 10 JANUARI

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     |
| 6.02  | AL-QURAN                      |
| 6.12  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | SIARAN TAMAT                  |

#### PETANG

|      |                                    |
|------|------------------------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN                    |
| 4.02 | AL-QURAN                           |
| 4.12 | SUSUNAN RANCANGAN                  |
| 4.20 | ANIMATION HOUR : FERDY/ZIRKOS KIDS |
| 5.00 | JUARA - SIARAN LANGSUNG            |
| 5.45 | BERITA                             |
| 5.55 | RAKSI SI MO MO - Ulangan           |
| 6.24 | AZAN MAGHRIB                       |
| 6.25 | AL-QURAN                           |
| 6.40 | BIMBINGAN MUKMIN                   |

#### MALAM

|       |                                  |
|-------|----------------------------------|
| 7.00  | LIPUTAN SEMASA                   |
| 7.25  | SIHAT CERGAS                     |
| 7.38  | AZAN ISYAK                       |
| 7.43  | SIHAT CERGAS - Sambungan         |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                  |
| 8.50  | TEKAD                            |
| 9.10  | DRAMA CO PRODUCTION: DANG AYANG  |
| 9.40  | HIBURAN: SENANDUNG RIA - Ulangan |
| 10.00 | NEWS AT 10                       |
| 10.30 | HIBURAN - Sambungan              |
| 10.55 | MARTIAL LAW - 'Scorpio Rising'   |
| 12.15 | DOA DAN SIARAN TAMAT             |

### KHAMIS 11 JANUARI

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     |
| 6.02  | AL-QURAN                      |
| 6.12  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | SIARAN TAMAT                  |

#### PETANG

|      |                                                        |
|------|--------------------------------------------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN                                        |
| 4.02 | AL-QURAN                                               |
| 4.12 | SUSUNAN RANCANGAN                                      |
| 4.20 | ANIMATION HOUR : DENVER ; THE LAST DINOSAUR/BEAST WARS |
| 5.00 | MANSION : GREAT HOUSE OF EUROPE                        |
| 5.45 | BERITA                                                 |
| 5.55 | FORUM KHAS HALAL HARAM - Ulangan                       |
| 6.24 | AZAN MAGHRIB                                           |
| 6.30 | AL-QURAN                                               |
| 6.45 | BIMBINGAN MUKMIN                                       |

### MALAM

|       |                             |
|-------|-----------------------------|
| 7.00  | SURAH YAASIIN               |
| 7.25  | GEMA ISLAM                  |
| 7.38  | AZAN ISYAK                  |
| 7.43  | GEMA ISLAM - Sambungan      |
| 8.00  | BERITA NASIONAL             |
| 8.50  | AN-NUUR - Siaran Langsung   |
| 9.25  | LAILA LILI PUTIH            |
| 10.00 | NEWS AT 10                  |
| 10.30 | DRAMA - Sambungan           |
| 19.50 | WAYANG PILIHAN - 'The Pawn' |
| 12.20 | DOA DAN SIARAN TAMAT        |

### JUMAAT 12 JANUARI

#### PAGI

|       |                                           |
|-------|-------------------------------------------|
| 6.00  | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                 |
| 6.02  | AL-QURAN                                  |
| 6.12  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung             |
| 9.00  | BERITA                                    |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan                   |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN                         |
| 10.15 | SESAME STREET                             |
| 11.15 | TRAP TRIP                                 |
| 11.30 | BERITA                                    |
| 11.40 | THE GUERRILLA GARDENER                    |
| 12.15 | DISCOVER ISLAM: MURAD HOFFMAN             |
| 12.30 | SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung |

#### PETANG

|      |                                                           |
|------|-----------------------------------------------------------|
| 1.30 | GEMA ISLAM - Ulangan                                      |
| 2.00 | SUKAN ANTARABANGSA                                        |
| 2.30 | DOKUMENTARI                                               |
| 3.00 | TAYANGAN GAMBAR - 'The Modern Adventures Of Tom Sawyer'   |
| 3.52 | AZAN ASAR                                                 |
| 3.57 | TAYANGAN GAMBAR - Sambungan                               |
| 4.40 | ANIMATION HOUR: VOLTRON: THE THIRD DIMENSION/TAMAN KANCIL |
| 5.30 | SYIAR MASJID                                              |
| 5.45 | BERITA                                                    |
| 5.55 | SYIAR MASJID - Sambungan                                  |
| 6.10 | UNDERSEA EXPLORER - 'The Sulawesi Sea'                    |
| 6.25 | AZAN MAGHRIB                                              |
| 6.30 | AL-QURAN                                                  |
| 6.45 | BIMBINGAN MUKMIN                                          |

#### MALAM

|       |                                    |
|-------|------------------------------------|
| 7.00  | LIPUTAN SEMASA                     |
| 7.25  | RITMA                              |
| 7.39  | AZAN ISYAK                         |
| 7.45  | RITMA - Sambungan                  |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                    |
| 8.50  | DRAMA RTB: PERTEMBUGAN             |
| 9.30  | FIT FOR THE WILD ADAPTED TO AFRICA |
| 10.00 | NEWS AT 10                         |
| 10.30 | KHUTBAH JUMAAT                     |
| 11.45 | TELEDRAAMA                         |
| 12.15 | DOA DAN SIARAN TAMAT               |

### SABTU 13 JANUARI

#### PAGI

|       |                                                    |
|-------|----------------------------------------------------|
| 6.00  | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                          |
| 6.02  | AL-QURAN                                           |
| 6.12  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                      |
| 9.00  | BERITA                                             |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan                            |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN                                  |
| 10.10 | ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/ALIF |
| 10.55 | WILD ABOUT ANIMALS                                 |
| 11.20 | CONTACT                                            |
| 11.30 | BERITA                                             |
| 11.40 | CONTACT - Sambungan                                |
| 12.00 | ON THE LINE - Siri baru                            |
| 12.30 | AZAN ZUHUR                                         |
| 12.35 | DOKUMENTARI : DESTINASI - Ulangan                  |

#### PETANG

|      |                                                     |
|------|-----------------------------------------------------|
| 1.10 | PANGGUNG PETANG                                     |
| 2.40 | FOKUS - KAMPUNG KITA - Ulangan                      |
| 3.10 | FROM THE EARTH TO THE MOON - 'Apollo One'           |
| 3.52 | AZAN ASAR                                           |
| 3.54 | FROM THE EARTH TO THE MOON - Sambungan              |
| 4.00 | GETAWAY EXPLORER                                    |
| 4.25 | ANIMATION HOUR : SABER RIDER & STAR SHERRIF/JOHNINY |
| 5.15 | BRAVO                                               |
| 5.45 | RAK SI MO MO                                        |
| 5.55 | BERITA                                              |
| 6.25 | DRAMA RTB : DURATUL HIKMAH - Ulangan                |
| 6.30 | AZAN MAGHRIB                                        |
| 6.40 | AL-QURAN                                            |
| 6.40 | BIMBINGAN MUKMIN                                    |

#### MALAM

|       |                                          |
|-------|------------------------------------------|
| 7.00  | DUNIA ASIA                               |
| 7.25  | TECHNOLOGY WORLD                         |
| 7.39  | AZAN ISYAK                               |
| 7.45  | TECHNOLOGY WORLD - Sambungan             |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                          |
| 8.50  | HIBURAN : SINDIR-SINDIR SAYANG - Ulangan |
| 10.00 | NEWS AT 10                               |
| 10.30 | TAYANGAN GAMBAR - 'A Clean To Kill'      |
| 12.00 | DOA DAN SIARAN TAMAT                     |

### AHAD 14 JANUARI

#### PAGI

|      |                               |
|------|-------------------------------|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     |
| 6.02 | AL-QURAN                      |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |

#### PETANG

|       |                                                        |
|-------|--------------------------------------------------------|
| 9.00  | BERITA                                                 |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan                                |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN                                      |
| 10.10 | SESAME STREET                                          |
| 11.10 | FUN TIME                                               |
| 11.30 | BERITA                                                 |
| 11.40 | SUNDAY MATINEE                                         |
| 12.31 | AZAN ZUHUR                                             |
| 12.36 | SUNDAY MATINEE - Sambungan                             |
| 1.30  | ENGLISH PREMIER                                        |
| 2.30  | LEAGUE 2000/2001                                       |
| 3.00  | SI MANIS 17 - Siaran Langsung                          |
| 3.30  | PERTUKARAN RANCANGAN MOU                               |
| 3.53  | RTB/TVRI DOKUMENTARI: CAKRAWALA                        |
| 3.58  | BUDAYA/BAKAB                                           |
| 4.05  | RIMALOKA                                               |
| 4.35  | AZAN ASAR                                              |
| 5.00  | RIMALOKA - Sambungan                                   |
| 5.30  | RAILWAY ADVENTURES ACROSS EUROPE - 'Through The Dales' |
| 5.45  | NEW WOODY WOOD-PECKER                                  |
| 5.55  | JUARA - Siaran Langsung                                |
| 6.15  | FORUM KHAS HALAL HARAM                                 |
| 6.26  | BERITA                                                 |
| 6.31  | FORUM KHAS HALAL HARAM - Sambungan                     |
| 6.45  | BIMBINGAN MUKMIN                                       |
| 6.55  | AZAN MAGHRIB                                           |
| 7.00  | AL-QURAN                                               |

#### MALAM

|       |                             |
|-------|-----------------------------|
| 7.00  | PINTAR-PINTAR - Ulangan     |
| 7.37  | AZAN ISYAK                  |
| 7.40  | PINTAR-PINTAR - Sambungan   |
| 8.00  | BERITA NASIONAL             |
| 8.50  | TIRAI KELUARGA              |
| 10.00 | NEWS AT 10                  |
| 10.30 | TIRAI KELUARGA - Sambungan  |
| 11.00 | PSI FACTOR - 'The Longdrop' |
| 12.35 | DOA DAN SIARAN TAMAT        |

### ISNIN 15 JANUARI

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     |
| 6.02  | AL-QURAN                      |
| 6.12  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | SIARAN TAMAT                  |

#### PETANG

|      |                                                       |
|------|-------------------------------------------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN                                       |
| 4.02 | AL-QURAN                                              |
| 2.12 | SUSUNAN RANCANGAN                                     |
| 2.15 | MINUTES CARTOONS                                      |
| 5.00 | MEKAR                                                 |
| 5.15 | OTHER COUNTRIES, OTHER CUSTOMS - 'Nepal: The Tibetan' |

|      |                        |
|------|------------------------|
| 5.45 | Kingdom Of Lo'         |
| 5.55 | BERITA                 |
| 6.26 | SYIAR MASJID - Ulangan |
| 6.31 | AZAN MAGHRIB           |
| 6.45 | AL-QURAN               |
| 6.45 | BIMBINGAN MUKMIN       |

#### MALAM

|       |                                             |
|-------|---------------------------------------------|
| 7.00  | LIPUTAN SEMASA                              |
| 7.25  | PERSPECTIVE                                 |
| 7.40  | AZAN ISYAK                                  |
| 7.45  | PERSPECTIVE - Sambungan                     |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                             |
| 8.50  | DRAMA CO PRODUCTION: UDANG GALAH LIMA MANIS |
| 9.25  | THE LIGHTER SIDE OF SPORTS                  |
| 10.00 | NEWS AT 10                                  |
| 10.30 | TEKAD - Ulangan                             |
| 10.45 | WILD ASIA - 'In The Realm Of The Red Ape'   |
| 11.30 | DOA DAN SIARAN TAMAT                        |

### SELASA 16 JANUARI

#### PAGI

|       |                               |
|-------|-------------------------------|
| 6.00  | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     |
| 6.02  | AL-QURAN                      |
| 6.12  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |
| 9.00  | BERITA                        |
| 9.15  | RAMPAI PAGI - Sambungan       |
| 10.00 | SIARAN TAMAT                  |

#### PETANG

|      |                                                  |
|------|--------------------------------------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN                                  |
| 4.02 | AL-QURAN                                         |
| 4.12 | SUSUNAN RANCANGAN                                |
| 4.20 | ANIMATION HOUR: DRAGON TALES/ MONSTER BY MISTAKE |
| 5.45 | BERITA                                           |
| 6.05 | DRAMA CO PRODUCTION - AIN Ulangan                |
| 6.27 | AZAN MAGHRIB                                     |
| 6.32 | AL-QURAN                                         |
| 6.45 | BIMBINGAN MUKMIN                                 |

#### MALAM

|       |                                                          |
|-------|----------------------------------------------------------|
| 7.00  | THE FAMOUS JETT JACKSON - 'Par For The Course'           |
| 7.25  | DOKUMENTARI: GAYA HIDUP: 'Meraih Rezeki - Ulangan Galah' |
| 7.40  | AZAN ISYAK                                               |
| 7.45  | DOKUMENTARI - Sambungan                                  |
| 8.00  | BERITA NASIONAL                                          |
| 8.50  | FOKUS                                                    |
| 9.25  | E.R - 'Day Of The Night' - Siri Baru                     |
| 10.00 | NEWS AT 10                                               |
| 10.30 | E.R - Sambungan                                          |
| 11.45 | SNOOPS - 'True Believers'                                |
| 12.30 | DOA DAN SIARAN TAMAT                                     |

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 8 Januari- Satu pameran yang dinamakan 'Cara Hidup Sihat' bagi Kementerian-kementerian dan swasta anjuran Jawatankuasa Pameran Bergerak Kementerian Kesihatan bagi menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta serta orang ramai khususnya mengamalkan cara hidup yang sihat.

Pameran yang diadakan selama dua hari itu bertempat di ruang legar bangunan Jabatan Audit, Unit Petroleum dan Perkhidmatan Pengurusan, Jalan Menteri Besar di sini.

Ia adalah sebagai kegiatan susulan setelah pameran serupa di peringkat kebangsaan diadakan tahun lalu dengan tajuk yang sama.

Jika diperhatikan kebanyakan masyarakat kita sekarang kurang mengamalkan cara hidup sihat terutamanya di segi pemakanan, ke-rana sering ketara penduduk negara ini gemar menikmati makanan segera daripada makanan segar.

Mengikut kajian kebanyakan penyebab kematian di negara ini dan negara lain antaranya dikaitkan dengan pemakanan yang tidak seimbang umpamanya memakan makanan yang banyak mengandungi lemak dan kolesterol yang boleh menyebabkan sarangan jantung koronari.

Selain itu, tabiat menghisap rokok dan kurangnya menjalani kegiatan sukan juga mengapa masyarakat hari ini banyak menghadapi pelbagai penyakit yang berbahaya.

Dengan adanya pameran seumpama ini diharapkan orang ramai khasnya rakyat dan penduduk negara ini akan sedar betapa pentingnya mengamalkan cara hidup yang sihat.

Pameran yang kurang mendapat sambutan ini dibukakan bagi kunjungan pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan Perdana Menteri ke arah memberikan kesedaran.

# Amalkan cara hidup sihat



PAMERAN 'Cara Hidup Sihat' anjuran Jawatankuasa Pameran Bergerak Kementerian Kesihatan yang diadakan di ruang legar bangunan Jabatan Audit, Unit Petroleum dan Perkhidmatan Pengurusan, Jalan Menteri Besar menarik perhatian pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan tersebut. - Gambar oleh Amat HM.

## Seorang anak damit ditemui mati di kawasan pembuangan sampah, Anduki

SERIA, 6 Januari. - Seorang anak damit perempuan yang baru lahir mempunyai berat badan lebih kurang tiga kilogram ditemui mati di kawasan pembuangan sampah, Anduki.

Anak damit berusia kira-kira lima hari itu disimpan di dalam bekas kotak Indo Mee yang dialas di bawahnya dengan kain selimut, manakala di atasnya ditutup dengan bantal berwarna

kuning ditemui oleh dua orang kanak-kanak lelaki ketika mereka bersama keluarga masing-masing mencari tin-tin kosong dan logam di kawasan itu untuk dijual.

Menurut cerita seorang kanak-kanak tersebut, adik Mohd. Izzat bin Rusli, 11 tahun kepada wakil PELITA BRUNEI, dia dan kawannya menghampiri longgokan sampah yang baru

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

dibuang oleh salah sebuah lori sampah yang baru tiba di kawasan itu.

Pada waktu itu, kawannya ternampak kotak berkenaan lalu menariknya ke tepi berdekatan dengannya kerana menyangka kotak itu berisi pakaian, sementara dia mahukan kotak itu untuk menaruh hasil kutipannya.

Ketika dia cuba mengait keluar bantal yang ada di kotak itu dengan menggunakan bekas besi pengecat dinding, mereka berdua terperanjat lalu menjerit apabila terpancang seorang anak damit terguling keluar dari kotak berkenaan.

Apabila ibu Mohd. Izzat yang berada di kawasan itu terdengar jeritan anaknya lalu mendapatkan anaknya dan dia melihat anak damit itu tertungkuh sambil menghisap jari kanannya.

"Saya mengangkat tubuhnya yang masih lembut tidak bernyawa itu lalu membaringkan di atas bantal kuning berkenaan," kata ibu itu sayu.

Waktu itu saya juga ternampak terdapat kesan darah di bahagian leher kanan dan pusat anak damit itu, tambahnya.

Anak damit perempuan itu katanya, berkulit cerah dan berambut kerinting.

Salah seorang pengawal keselamatan di kawasan itu, Awang Metassim bin Muncong, berkata kejadian tersebut berlaku kira-kira jam 4.30 petang apabila mereka memanggilnya yang

berada tidak jauh dari kawasan kejadian.

Beliau yang bertugas di situ secara bergilir-gilir selama 10 hari sejak enam tahun lalu kemudian melaporkan kejadian tersebut ke Balai Polis, Seria.

Menurut pemandu lori sampah berkenaan, Awang Mamerto yang kebetulan tiba memberitahu wakil PELITA BRUNEI bahawa sampah yang mereka buang ketika kejadian itu diangkut dari kawasan pembuangan sampah Sungai Taring, Lumut.

"Sebaik saja kami membuang sampah yang kami angkut itu, kami pergi lagi mengangkut sampah di kawasan lain pula. Apabila kami tiba di sini untuk membuang sampah yang kami angkut kali kedua, kami lihat ramai polis berada di sini," ujarnya. Manakala pembantunya, Awang Faruq berkata, beliau hanya mengangkat dua bungkusan besar plastik hitam tetapi tidak tahu sama ada kotak berkenaan berada di dalam plastik hitam itu ataupun tidak.

Awang Metassim menerangkan, selalunya selepas lori sampah membuang sampah di sana, jentolak akan menolak sampah sarap agar tidak bertimbun-timbun. Bagaimanapun pada petang kejadian itu, jentolak berkenaan mengalami kerosakan dan tidak berfungsi.

Katanya, kawasan pembuangan sampah itu dijaga secara bergilir-gilir mulai pukul 6.30 petang hingga 10.00 malam dan setiap kenderaan yang masuk di kawasan itu akan dicatat nombor pendaftarannya dan kejadian tersebut merupakan pertama kali berlaku di kawasan itu.



ADIK Mohd. Izzat bin Rusli menunjukkan tempat dia dan kawannya menemui kotak berisi anak damit di kawasan pembuangan sampah, Anduki. Juga kelihatan dalam gambar ialah ibu Mohd. Izzat dan Pengawal Keselamatan kawasan tersebut, Awang Metassim bin Muncong. - Gambar ihsan Miri Daily News.

# SUKAN..... SUKAN..... SUKAN.... SUKAN ....



**MENYERLAH ....** Skwad Boling Padang mencatatkan pencapaian yang membanggakan di Kejohanan Lima Penjurua Piala Tan Sri Ahmad Sarji dan Kejohanan Borneo di Patra Jaya Kuching, Sarawak.



**GIGIH ....** Pesilat wanita, Umi Kalthum Abdul Karim memperoleh pingat gangsa di Kejohanan Silat Sedunia di Jakarta, Republik Indonesia.

## Sorotan pencapaian Sukan Tahun 2000 : SILAT DAN BOLING PADANG WARNAI KEJAYAAN CEMERLANG

OLEH HAJI AHAT HI

SUKAN boling padang dan pencak silat melabuh tirai persada sukan tahun 2000 dengan pencapaian membanggakan di beberapa penyertaan kejohanan peringkat serantau serta antara-bangsa.

Sepanjang tahun 2000 itu, pada atlet yang dipertaruhkan beraksi di kedua-dua acara tersebut memperlihatkan prestasi bersemangat dengan memperolehi beberapa pingat emas, perak, gangsa dan pencapaian tersebut perlu ditingkatkan lagi bagi mengharungi kejohanan-kejohanan yang akan datang.

Boling padang, satu-satunya acara yang menyumbang sebutir pingat emas di temasya Sukan SEA Ke-XX 1999 dulu terus tampil sebagai satu-satunya acara sukan yang terus menonjol apabila menggegar-gelangan sendiri dengan merangkul tiga pingat emas, satu perak dan satu gangsa di Kejohanan Boling Padang Lima Penjurua merebut Piala Tan Sri Ahmad Sarji.

Gandingan Lokman Mohd. Salleh, Haji Nordin Haji Mohammad, Rosli Simon dan Tahir Buhari memperoleh pingat emas bagi Mens Fours. Pasangan Pengiran Md. Salleh Chu Pengiran Haji Tuah, merangkul pingat emas Mens Pairs, manakala trio wanita yang terdiri daripada Pengiran Hajah Aisah, Hajah Rainah dan Hajah Amalia memperoleh pingat emas acara Women Triples.

Sebutir pingat perak di kejohanan yang sama diraih melalui Mens Triples daripada Abdul Rahman Haji Omar, Haji Zaini Haji Ibrahim dan Haji Naim Haji Ibrahim, sementara pingat gangsa diraih oleh Pengiran Tengah Pengiran Tajuddin.

Pada keseluruhannya, di kejohanan lima penjurua itu, Negara Brunei Darussalam menduduki tempat ketiga mengatasi Republik Singapura dan Republik Filipina, manakala Hong Kong muncul sebagai juara dan

kedua, Malaysia.

Selepas kejayaan itu, skuad boling padang terus menyerlah apabila merangkul juara keseluruhan Kejohanan Boling Padang Borneo di Patra Jaya Kuching, Sarawak.

Kejohanan yang turut disertai oleh Sarawak selaku tuan rumah, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kalimantan Barat, Republik Indonesia itu, menampilkan Skwad Boling Padang Negara Brunei Darussalam memperoleh pingat emas bahagian perseorangan, berpasukan wanita dan berpasukan lelaki. Pingat perak pula diraih melalui bahagian perseorangan, berpasukan lelaki dan berpasukan wanita.

Pencak silat juga turut sama mewarnai peningkatan sukan 2000 apabila Muhd. Khairul Bahrin Durahman merangkul pingat emas kelas 'A' Putra di Kejohanan Pencak Silat Remaja Sedunia di Hanoi, Vietnam.

Di samping memperoleh pingat emas, pingat perak pula diperoleh oleh Muhammad Amin Ali, kelas 'H' Putra dan Awangku Muhammad Shukri bersama Nasyran Musrif memperoleh pingat gangsa kelas 'B' dan 'C'. Pesilat wanita, Nurulain Rawaiah Haji Raub memperoleh pingat gangsa acara seni tunggal puteri.

Kejayaan pesilat remaja itu disusuli pula dengan kejayaan memperoleh pingat gangsa

sa di Kejohanan Silat Sedunia di Jakarta pada 14 hingga 9 November, 2000.

Pingat-pingat tersebut masing-masing diperoleh melalui Umi Kalthum Abdul Karim, Awangku Khairul Alimin Pengiran Haji Mohammad, Rudy Haji Adinin, Ramlee Haji Jaludin dan Norhayati Haji Othman. Rosida Haji Lamit, Noranisah Haji Ali dan Dayangku Rosmawati Pengiran Haji Badarudin memperoleh pingat gangsa acara seni berpasukan puteri.

Ternyata, kejayaan-kejayaan atlet boling padang dan pesilat-pesilat negara ini memperlihatkan peningkatan membanggakan yang seharusnya perlu diberikan perhatian bagi menghadapi beberapa kejohanan mendatang tahun ini termasuk Temasya Sukan SEA Ke-XXI di Kuala Lumpur.

### KEJOHANAN BOLING PADANG LIMA PENJURU

#### Kejohanan Boling Padang Lima Penjurua Piala Tan Sri Ahmad Sarji 2000

| Negara peserta           | Emas | Perak | Gangsa | Jumlah |
|--------------------------|------|-------|--------|--------|
| Hong Kong                | 5    | 1     | 1      | 7      |
| Malaysia                 | 0    | 6     | 1      | 7      |
| Negara Brunei Darussalam | 3    | 1     | 1      | 5      |
| Republik Singapura       | 0    | 0     | 4      | 4      |
| Republik Filipina        | 0    | 0     | 1      | 1      |
| Jumlah                   | 8    | 8     | 8      | 24     |

#### Kejohanan Boling Padang Borneo 2000 Sarawak Juara Keseluruhan

| Acara               | Pingat |
|---------------------|--------|
| Perseorangan Lelaki | Emas   |
| Berpasangan Wanita  | Emas   |
| Berpasukan Lelaki   | Emas   |
| Perseorangan Wanita | Perak  |
| Berpasangan Lelaki  | Perak  |
| Berpasukan Wanita   | Perak  |

### Kejohanan Pencak Silat Remaja

#### Kejohanan Pencak Silat Remaja Sedunia di Hanoi, Vietnam

| Peserta                    | Acara           | Pingat |
|----------------------------|-----------------|--------|
| Awang Muhd. Khairul Bahrin | Kelas 'A' Putra | Emas   |
| Muhammad Amin Ali          | Kelas 'H' Putra | Perak  |
| Awangku Muhammad Shukri    | Kelas 'B' Putra | Gangsa |
| Nasyran Musrif             | Kelas 'C' Putra | Gangsa |
| Dayang Nurulain Rawaiah    | Seni            | Gangsa |

#### Kejohanan Silat Sedunia di Jakarta, Republik Indonesia

| Peserta                                                     | Pingat      |
|-------------------------------------------------------------|-------------|
| Umi Kalthum Abdul Karim                                     | Gangsa      |
| Awangku Khairul Alimin                                      | Gangsa      |
| Rudy Haji Adinin                                            | Gangsa      |
| Ramlee Haji Jaludin                                         | Gangsa      |
| Norhayati Haji Othman                                       | Gangsa      |
| Rosida Haji Lamit                                           | Gangsa      |
| Rosida Haji Lamit, Noraisah Haji Ali dan Dayangku Rosmawati | Team Gangsa |



**MENINGKAT ....** Pesilat Putra juga memperlihatkan kecemerlangan meraih pingat emas, perak dan gangsa dalam beberapa penyertaan di kejohanan serantau dan antarabangsa tahun 2000 lalu.



TAHUN 46

BILANGAN 2

RABU 10 JANUARI, 2001

1421, شوال 14 رابو

PERCUMA

## PERATURAN PENGIKLANAN DI PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dalam bahasa Melayu dengan menggunakan ejaan baru.
2. Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca. Saiz font yang digunakan ialah antara 9 hingga 12 point.
3. Penghantaran iklan dalam disket komputer adalah sangat dialu-alukan dan disyorkan menggunakan Microsoft Word. Disket yang sudah selesai penggunaannya boleh diambil semula.
4. Iklan hendaklah sampai ke alamat seperti dinyatakan di bawah ini sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (bagi yang tidak menggunakan disket).
5. Mana-mana kementerian atau jabatan yang menghantar iklan mereka dengan menggunakan disket, disket tersebut hendaklah sampai kepada alamat di bawah seminggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki.
6. Rang iklan hendaklah diletakkan atau dihantar kepada : Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Tel : 02-383804. Faks : 02-381004 atau 02-380507.
7. Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
8. Iklan-iklan yang tidak mematuhi peraturan ini tidak akan dilayan.

### - PENGARAH PENERANGAN.



## JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran : JPU/TAW/01/2001

### Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah diletakkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha BS 8710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Isnin, 22 Januari, 2001.
2. JPU/TAW/01/2001 : PENYEWAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN DAN MENJALANKAN SEBUAH 'HI-TECH NURSERY' DI RIMBA, GADONG.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
5. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
6. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Z/3036 : BOOTS DMS BLACK. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Z/3037 : SHOES DMS BLACK. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Y/3005 : SOFTWARE MS OFFICE 2000 STANDARD. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Y/3006 : SOFTWARE MS VISIO 2000 (TECHNICAL). Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Y/3007 : SOFTWARE MS WINDOWS 98. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

### Syarat-Syarat Tawaran :

- a) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 29 Januari, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolklah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 29 Januari, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.
- b) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolklah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- c) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.



## JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JP/SH.21/2000

TAWARAN "THE MANAGEMENT AND OPERATION OF A TEMPORARY INLAND CONTAINER DEPOT (ICD) AT KUALA BELAIT PORT"

### Syarat-Syarat Tawaran :

1. JABATAN Pelabuhan, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam, mempelawa syarikat-syarikat swasta bagi menghadapi cadangan bagi "The Management and Operation Of A Temporary Inland Container Depot (ICD) At Kuala Belait Port".
2. Dokumen-dokumen tawaran berharga \$50.00 (tidak dikembalikan) dan keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Pelabuhan, Jabatan Pelabuhan, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja bermula hari Rabu 13 Disember, 2000.
3. Cadangan tawaran hendaklah dihadapkan dalam (3) salinan dalam sampul surat yang tertutup rapat (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar tidak lewat hari Selasa 30 Januari, 2001, (dijalankan) jam 2.00 petang kepada Pengerusi, Jawatankuasa Sebutarga, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Pelabuhan Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JP/SH01/2001

TAWARAN "MEROBOK BANGUNAN BEKAS KELAB WORLDWIDE MUARA"

### Syarat-Syarat Tawaran :

1. Dibukakan bagi pemborong Kelas I dan II sahaja.
2. Dokumen tawaran bolehlah didapati di Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Pelabuhan, Muara BT 1728.
3. Sebutarga hendaklah dikembalikan kepada Pengerusi Sebutarga, Jawatankuasa Sebutarga, Jabatan Pelabuhan, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat hari Rabu 24 Januari, 2001 jam 2.00 petang.
4. Di sebelah atas kiri sampul surat Sebutarga hendaklah ditulis "JP/SH.01/2001 - MEROBOK BANGUNAN BEKAS KELAB WORLDWIDE MUARA". Sampul surat yang menyatakan nama dan logo syarikat tidak boleh digunakan.

- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Z/3033 : CONTAINER FIBRE-BOARD (4 ITEMS). Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Z/3034 : BED SINGLE METAL. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

### Syarat-Syarat Tawaran :

- a) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 15 Januari, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolklah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 15 Januari, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.
- b) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolklah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- c) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolklah Garison, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



## JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BP/142/2000 : Tajuk Kerja : SUPPLY AND DELIVERY OF ENGINE AUXILIARY PARTS FOR MIRRLEES BLACKSTONE K6 MAJOR MK3 CON : 7112 &amp; ESL 12 MK2 CON : 14471 DIESEL ENGINE.

Tarikh tutup : 22 Januari, 2001 hari Isnin jam 2.00 petang. Cagaran : \$200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori 6(f), 6(g) dalam Kelas II, III, IV, V &amp; VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian : Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



## JUALAN LELONG JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu jualan lelong Mesin Electrical Forklift yang tersebut di bawah akan diadakan pada 13 Januari, 2001 jam 9.00 pagi. Lelong ini adalah mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan mesin yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perlongan tersebut.
2. Mesin yang dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perlongan ini akan dirampas dan dilelong semula.

| Keterangan Benda                                                    | Tempat Lelong                                                                    | Tarikh dan masa                     |
|---------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|
